

INSPIRASI

BERITA PERPUSTAKAAN

<http://www.ukm.my/library>

■ BIL : 7

■ JULAI-DISEMBER 2010



**Teknologi BlackBerry dalam
Perkhidmatan Perpustakaan
Ms 6**

**Jom Twit! : ptsl2ukm Menjadi Wadah Baru
Menyampaikan Maklumat dan Ilmu
Ms 7**

**Facebook Sebagai Saluran
Penyebaran Maklumat Perpustakaan
Ms 8**



Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera



Saya mengucapkan setinggi tahniah kepada Sidang Pengarang Inspirasi di atas usaha mereka menerbitkan Inspirasi: Berita Perpustakaan UKM. Usaha ini harus terus disokong kerana penerbitan seperti ini dapat membina jati diri warga Perpustakaan UKM.

Pada kesempatan ini juga saya merakamkan ucapan setinggi tahniah dan terima kasih kepada warga Perpustakaan yang telah berusaha sama ada secara langsung mahupun tidak langsung bagi menjayakan pelbagai aktiviti dan bengkel. Antara program yang telah dijayakan ialah Bengkel Pendigitalan UKM-NIU, Bengkel Harta Intelek dan Hak Cipta, Bengkel Pengkatalogan Bahan Elektronik, Sumber Media dan RDA, Hari Bersama Pelanggan, Majlis Perasmian Pembudayaan Ilmu, Aktiviti Bersama Pelajar Sekolah Menengah, Syarahan Tun Seri Lanang,

Pameran Karya Agung Peradaban Islam dan e-J Inforace.

Pada tahun ini juga Perpustakaan telah memperkenalkan Pustakawan Seranta peringkat Fakulti/Institut/Pusat, yang nampaknya berjalan dengan baik sekali, dan menerima maklumbalas yang positif dari Fakulti/Institut/Pusat. Saya ucapkan tahniah kepada semua Pustakawan Seranta Fakulti dan Kolej Kediaman yang menjalankan fungsinya dengan berkesan sekali.

Kesempatan ini juga saya rakamkan tahniah kepada lima pasukan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perpustakaan, iaitu KIK KLIK, Mutiara, Pantas 3, Mizan dan Siber yang berjaya menyertai Konvensyen KIK peringkat UKM. Saya pasti penghayatan budaya KIK ini turut mewarnai aktiviti inovasi dan kreativiti di Perpustakaan.

Tuan Haji Abu Bakar Maidin
Ketua Pustakawan

MUTIARA KATA

"Setiap jiwa yang dilahirkan telah tertanam dengan benih untuk mencapai keunggulan hidup. Tetapi benih itu tidak akan tumbuh seandainya tidak dibajai dengan keberanian!"

PENGURUSAN PERPUSTAKAAN UKM

Abu Bakar Maidin (Ketua Pustakawan)
Maimunah Kadir (Ketua Perpustakaan PPUKM)
Hafsah Mohd (Ketua Program Pembangunan Sumber)
Noraini Omar (Ketua Program Pengurusan Perkhidmatan)
Faizah Mohd. Zain (Ketua Perpustakaan Dr. Abdul Latiff)
Aripah Mohamed (Ketua Perpustakaan ATMA)
Rosnah Suliman (Ketua Perpustakaan Undang-Undang)
Anna Kustyana Mukandar (Timbalan Ketua Pustakawan)
Hazmir Zainal (Timbalan Ketua Pustakawan)
Lela Ruzma Mohd Shaari (Timbalan Ketua Pustakawan)
Rohaya Umar (Timbalan Ketua Pustakawan)
Rosnah Yusof (Timbalan Ketua Pustakawan)
Wan Suhaimi Ariffin (Timbalan Ketua Pustakawan)

SIDANG PENGARANG

Ketua Editor
Shahrudin Shafri
Editor
Mohd Adnan Baharom
Pengarang
Fatimah Kamilah Awang
Mohd Adnan Baharom
Rosmarlidaini Mah Hasan
Noraashikin Mohd Yusop
Abdul Muhaimin Sabron
Nor Asiah Mohamad
Azhari Sahamir
Azlan Mohamad Hamzah
Shamsudin Ibrahim
Harith Faruqi Sidek
Reka Letak
Muhammad Farid Zainal Azman

Fotografi
Mokhtar Aman
Edaran
Kamarudin Abdollah
Proses Akhir
Penerbit UKM

Sidang Pengarang INSPIRASI amat mengalu-alukan sumbangan artikel, berita atau rencana mengenai pengurusan maklumat dan keilmuan. Sila hantarkan berita atau artikel kepada:

Editor INSPIRASI
Perpustakaan Tun Seri Lanang
43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-89215854
Emel: shahrn@ukm.my (Ketua Editor)
Emel: m_adnan@ukm.my (Editor)

KANDUNGAN

	Halaman
SEMASA	
Program Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Tingkatkan Kesedaran Kakitangan	4
Hari Bersama Pelanggan 2010	5
Teknologi BlackBerry dalam Perkhidmatan Perpustakaan	6
Jom Tweet! : ptsl2ukm Menjadi Wadah Baru Menyampaikan Maklumat dan Ilmu	7
Facebook Sebagai Saluran Penyebaran Maklumat Perpustakaan	8
Catatan Lawatan ke Pesta Buku Antarabangsa Frankfurt	9
Pameran Karya Agung Semai Minat Warga UKM Menghayatinya	10
BENGGEL	
Kursus Penyelidikan Undang-Undang Bengkel Pengkatalogan Bahan Elektronik, Sumber Media Dan RDA	11
AKTIVITI	
Pertandingan e-J Inforace ke-6 2010	12
INOVASI	
Jurnal Elektronik Teks Penuh (JetP)	13
KIK MIZAN Beri Saingan Di Konvensyen KIK UKM 2010	14
KIK Pantas 3 Sertai Konvensyen KIK Peringkat UKM Kali Ke-15 Tahun 2010	14
KIK SIBER Persembahkan Inovasi Perpustakaan Dalam Konvensyen KIK	15
E-Content vs PTSL-JCP Hasil Inovasi KIK MUTIARA	15
ARTIKEL PILIHAN	
Bahan Koleksi Media Bantu Pengajaran, Pembelajaran Dan Penyelidikan di UKM	17
Menunai Cita-Cita dan Impian di Kota Liverpool	18
Keliatan Otak Mencungkil Idea Kreatif Selamatkah Kampus Kita?	20
Motivasi dalam Perkhidmatan Awam	22
Kenali Koleksi Khas Di Perpustakaan Anda	22
BERITA CABANG	
Lawatan PATMA ke BERNAMA InfoLib	23
Hari Bersama Pelanggan Perpustakaan ATMA (PATMA)	23
Program Pengukuhan Kerja Berpasukan Tingkat Semangat Kerja Berpasukan Kakitangan Perpustakaan	24
Platform pemantapan 'Legal Search Skill' di kalangan pengguna Perpustakaan Undang-Undang	24
Hari Bersama Pelanggan	25
Kursus Endnote Dan Kemahiran Maklumat Elektronik	25
Lawatan Ke UiTM, Shah Alam	26
RUANGAN KKSP	27
ULASAN BUKU	28
BERITA KAKITANGAN	29
BERITA BERGAMBAR	30

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera

*Hendak belayar ke Teluk Betong
Sambil mencuba labuhkan pukut
Bulat air kerana pembedung
Bulat manusia kerana muafakat
Jikalau tuan mengangkat peti
Tolong masukkan segala barang
Jikalau tuan bersatu hati
Kerja yang susah menjadi senang*



Sedar atau tidak buletin yang berada di tangan anda sekarang telah berada di tahun ke-16 penerbitannya. Ia merupakan satu pencapaian kerana di sebalik cabaran dan kerumitan pengumpulan dan penyediaan bahan, rekaletak, pemilihan gambar dan penulisan artikel, penerbitannya masih bertahan sehingga kini.

Buletin Inspirasi merupakan wadah bagi kakitangan perpustakaan amnya dan pustakawan khususnya untuk berjinak-jinak dalam bidang penulisan dan seterusnya menanamkan minat dalam bidang ini.

Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia wajar berbangga kerana hasil kerjasama, kesungguhan dan minat yang dipupuk telah menggalakkan kakitangan menulis. InsyaAllah dari hari ke hari bakat-bakat baru mula terserlah. Syabas kepada semua penyumbang artikel dan berita dalam keluaran ini. Berkat kesungguhan dan minat untuk menulis ini sudah tentu akan membuka dimensi baru dalam perkembangan ilmu pengetahuan di dalam persekitaran perpustakaan

Sehubungan dengan itu sebahagian besar artikel yang dipaparkan dalam keluaran ini memaparkan peningkatan perkara tersebut. Bakat-bakat yang terpendam ini harus digilap agar bersinar untuk membawa kesedaran, perkongsian ilmu dan pengalaman, berita dan pengetahuan. Selain itu juga, diharap ianya akan menjadi satu dokumen sejarah yang tersusun seterusnya menjadi rujukan generasi akan datang demi kelangsungan ilmu dan pengetahuan.

*Kemumu di tengah pekan
Dihembus angin jatuh ke bawah
Ilmu yang tidak diamalkan
Bagai pohon tidak berbuah
Tumbuh melata si pokok tebu
Pergi pasar membeli daging
Banyak harta tak ada ilmu
Bagai rumah tidak berinding*

Wallahua'lam.

Shahrudin Shafri
Ketua Editor

MUTIARA KATA

"Contohilah resam semut, bila bertemu seakan bersalam dan suka bekerjasama di antara satu sama lain."


Oleh : Rosnah Yusof & Rosmarlidaini Mah Hasan

Keselamatan dan kesihatan pekerjaan merupakan satu aspek yang perlu dititikberatkan oleh sesebuah organisasi dan kakitangan. Namun begitu, masih ramai pekerja dan majikan yang tidak menyedari tentang kepentingan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan sehinggalah sesuatu kemalangan, kecederaan atau kematian berlaku. Seharusnya semua organisasi perlu bersikap lebih sensitif terhadap keperluan keselamatan di tempat kerja dan berusaha ke arah kemalangan sifar. Menyedari tentang kepentingan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan inilah, Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) peringkat UKM dan jawatankuasa kecil peringkat jabatan telah ditubuhkan termasuklah Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Perpustakaan UKM.

Penubuhan JKKP adalah satu kemestian di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Akta 514) tahun 1994 bagi organisasi yang mempunyai lebih daripada 40 pekerja. Perihal khusus berhubung dengan penubuhan JKKP diperjelaskan dalam Peraturan KKP (JKKP) tahun 1996. Antara peranan jawatankuasa ini adalah memantau aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja dengan dibantu oleh pegawai insiden yang dilantik di setiap bahagian, mendapatkan maklumbalas berhubung aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan daripada kakitangan, membantu dalam pembentukan peraturan KKP dan sistem kerja yang selamat di tempat kerja, mengkaji semula keberkesanan program keselamatan dan kesihatan yang telah dilaksanakan dan lain-lain tugas berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Kejadian kemalangan atau penyakit dihadapi oleh pekerja mencerminkan serba sedikit terdapat ketidaksempurnaan pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di sesebuah organisasi dan ianya perlu diperbaiki. Untuk mengelakkan dan mengatasi segala permasalahan yang berlaku di setiap jabatan, jawatankuasa di peringkat jabatan berperanan untuk menganjurkan aktiviti dalam memberi maklumat dan juga kesedaran kepada kakitangan tentang kepentingan penjagaan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Selaras dengan matlamat ini, JKKP peringkat Perpustakaan telah menganjurkan beberapa aktiviti kepada kakitangan sepanjang tahun 2010. Kebanyakan aktiviti yang diadakan adalah bersempena dengan Minggu Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (MKKP) UKM yang telah diadakan pada 26 hingga 30 Julai 2010.

Antara aktiviti yang dijalankan ialah pameran keselamatan dan kesihatan pekerjaan untuk memberi pendedahan kepada pelanggan perpustakaan dan juga kakitangan tentang kepentingan penjagaan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Pameran ini diadakan bersempena dengan MKKP UKM dan bertempat di Perpustakaan Tun Seri Lanang. Bagi menarik pengunjung ke pameran, jawatankuasa telah menyediakan soalan kuiz, cenderahati dan hadiah kepada pelawat bertuah. Pameran ini telah berjaya menarik seramai 235 pelawat yang berdaftar.



Pameran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Aras 4 Perpustakaan Tun Seri Lanang

Selain pameran, turut diadakan program tayangan video keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Sebanyak 20 judul video telah ditayangkan bertempat di Aras 4, Perpustakaan Tun Seri Lanang. Selain itu, JKKP turut mengambil peranan untuk menggalakkan penyertaan bahagian di Perpustakaan dalam Pertandingan Pejabat Selamat. Sebanyak enam bahagian di PTSL dan dua perpustakaan cabang telah mengambil bahagian dalam pertandingan ini.

Pada 3 Ogos 2010, JKKP Perpustakaan UKM telah menganjurkan Bengkel Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang antara objektifnya untuk memahami kehendak-kehendak perundangan mengenai keselamatan dan kesihatan pekerjaan, memberi pendedahan mengenai tugas dan peranan pegawai insiden dan memberi kefahaman berkenaan amalan ergonomik di tempat kerja. Ceramah telah disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Zafir Khan Mohamed Makhbul dari Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan dan Puan Suzana Abu Bakar dari Pejabat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, UKM. JKKP Perpustakaan UKM juga menganjurkan lawatan ke National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH), Bangi. Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada AJK dan pegawai insiden tentang aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan untuk mengetahui isu-isu terkini berkenaan dengan perkara ini. Selain daripada aktiviti-aktiviti yang disebutkan di atas, jawatankuasa juga turut mengadakan aktiviti secara tetap iaitu pemeriksaan tempat kerja yang di adakan dua kali setahun. Pemeriksaan akan dilakukan oleh AJK yang telah ditetapkan bagi setiap bahagian dan cabang untuk melakukan pemeriksaan daripada aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan dengan dibantu oleh pegawai insiden di bahagian dan cabang tersebut. Ini untuk memastikan JKKP Perpustakaan UKM sentiasa peka terhadap sebarang permasalahan yang dihadapi oleh kakitangan dan segala masalah ini akan diatasi dan dimajukan kepada JKKP UKM.

Dengan adanya aktiviti-aktiviti sedemikian, adalah diharapkan agar kita dapat memelihara organisasi yang sentiasa selamat dan sihat. Pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang cekap bukan sahaja dapat mengurangkan risiko kepada keselamatan dan kesihatan tetapi juga dapat memastikan pulangan yang tinggi dan meningkatkan produktiviti sesebuah organisasi.



Kakitangan perpustakaan menjawab pertanyaan daripada pelanggan



Pelanggan menikmati kuih raya yang disediakan

Oleh: Rohana Mahmood

Hari Bersama Pelanggan (HBP) merupakan aktiviti tahunan Perpustakaan UKM sempena Majlis Pembudayaan Ilmu. Setelah lima tahun, satu kelainan telah dilakukan. HBP pada kali ini lebih santai tetapi masih mengekalkan pengisian yang sama seperti tahun-tahun lepas. Dengan bantuan KIK iaitu KIK Pantas 3, KLIK dan ProTag membuatkan perjalanan HBP lebih lancar dan teratur. Pada kali ini penglibatan pustakawan agak terhad kerana kaunter pertanyaan tidak mengikut bahagian seperti Bahagian Perolehan, Bahagian Katalog, Bahagian Perkhidmatan Pelanggan dan sebagainya. Dataran Tun Seri Lanang merupakan lokasi HBP pada kali. Ianya lebih terbuka dan agak bebas sesuai dengan konsep santai yang diketengahkan. Walau bagaimanapun pengisiannya masih sama iaitu menjawab pertanyaan pelanggan, kuiz dan pameran.

Pada kali ini empat kaunter pertanyaan telah dibuka dari jam 9.00 pagi hingga 4.30 petang. Seramai 104 orang telah bertanya manakala keseluruhan soalan yang ditanya adalah sebanyak 183 soalan. Semua soalan telah dijawab pada



Ketua Pustakawan turut meninjau perjalanan aktivi HBP

masa tersebut tetapi ada juga soalan yang perlu dirujuk di bahagian berkenaan. Jumlah keseluruhan pengunjung yang menghadiri HBP adalah seramai 409 orang.

Selain mengajukan pertanyaan, pelanggan juga digalakkan menyertai kuiz di mana jawapan boleh diperolehi melalui pameran yang disediakan. Tiga orang pelanggan telah dipilih sebagai pemenang kuiz iaitu Yong Chai Wei, Nurul

Idayu Kambali dan Intan Norfarhana Ibrahim. Pemenang dinilai berdasarkan jawapan yang tepat dan slogan yang menarik.

Pelanggan dihidangkan minuman panas dan kuih raya setelah berurusan dengan Pustakawan di kaunter atau semasa menunggu giliran untuk bertanya. Ini juga merupakan salah satu cara untuk memperkenalkan sebahagian budaya Malaysia kepada pelajar luar negara. Terdapat di kalangan mereka memaklumkan setelah beberapa tahun belajar di UKM, inilah kali pertama menikmati kuih raya Malaysia.

Istimewanya pada kali ini pihak pengurusan Perpustakaan UKM bersetuju memberi potongan 50% bagi denda lewat pemulangan buku. Sebanyak 384 naskhah bahan telah dikembalikan daripada 124 orang pelanggan.

QIT Perkhidmatan sebagai urusetia HBP sentiasa berusaha untuk menjadikan aktiviti tahunan ini lebih menarik dan mantap agar pelanggan atau kakitangan yang terlibat tidak merasa jemu. Semua maklumbalas yang diberikan oleh pelanggan boleh membantu pihak Perpustakaan mengukur kepuasan pelanggan yang merupakan salah satu aspek dalam piawaian ISO 9001:2008.



Pelanggan mendapatkan maklumbalas daripada Pustakawan yang bertugas

Oleh: Shamsudin Ibrahim

Transformasi ICT sangat pesat berkembang sejak beberapa dekad yang lalu dan telah memberi impak langsung kepada pelbagai organisasi termasuklah Institusi Pengajian Tinggi. Bermula dengan kehadiran Internet, fenomena Google, WiFi, Internet jalur lebar, dan kini telefon pintar seperti BlackBerry mula mengisi gelombang komunikasi yang merentasi sempadan masa dan geografi.

Menyorot kembali sekitar awal tahun 2000, ICT seperti sebuah kemewahan di mana pemilikan 'laptop' atau komputer riba hanya berlegar di kalangan eksekutif syarikat atau ahli perniagaan berstatus elit. Jarang-jarang kelihatan mahasiswa dan mahasiswi Universiti mengusung komputer riba ke perpustakaan atau fakulti untuk menyiapkan tugas dan lain-lain keperluan pembelajaran. Kini, pelajar sekolah menengah dan rendah terutama di bandar-bandar besar sudah tidak asing lagi untuk memiliki komputer riba sendiri.

Kepesatan ICT juga telah mendorong kepada penciptaan mesin atau peralatan elektronik bersaiz mini. Secara beransur-ansur, pengguna mula merasakan komputer riba sedia ada bersaiz besar, berat dan perlu digalas dan disimpan di tempat yang selamat. Sehubungan itu, pengguna mula melihat kepada alternatif yang lebih ringan, mudah dibawa ke mana sahaja serta berkeupayaan seperti sebuah komputer riba, seperti yang ditawarkan oleh kebanyakan telefon pintar.

Malaysia

Menurut laporan Audit Gesellschaft für Konsumforschung for Asia (GfK Asia), sebanyak 3.29 juta unit telefon pintar bernilai AS\$1.26 bilion dijual di seluruh Asia Timur dan Asia Tenggara dalam tempoh setahun. Pada suku tahun 2010, Malaysia telah mencatatkan kenaikan penjualan telefon pintar tertinggi, iaitu 36.8 peratus. Fenomena kepesatan ICT membolehkan penawaran harga telefon pintar semakin kompetitif dan bersifat mampu milik. Ini diperkukuhkan dengan langkah kerajaan melalui Bajet 2011, telah memansuhkan cukai 10% jualan telefon bimbit mulai 15 Oktober 2010. Justeru, tidak hairanlah satu hari nanti, BlackBerry, iPhone dan telefon pintar seumpama dengannya mampu dimiliki oleh setiap lapisan populasi di Universiti.

Peluang

UKM tidak ketinggalan dalam mengaplikasi teknologi BlackBerry di kalangan Pegawai Kanan Universiti. Siapa sangka, jika dahulu seorang Pustakawan Gred S48 dan lain-lain pegawai setaraf dengannya mungkin tidak terlintas atau ambil kisah mengenai BlackBerry, kini mampu tersenyum berkomunikasi melalui e-mel, telefon, Facebook, Twitter, melayari Internet dan pelbagai aplikasi moden BlackBerry tanpa sebarang kos peribadi. Nah, inilah nikmat teknologi yang dengannya, komunikasi cepat dan berkesan dapat dipertingkatkan dalam urusan rasmi antara pengurusan dengan kakitangan dan pelanggan. Tentu

sekali perpustakaan akademik juga tidak mahu terkecuai dengan arus perdana BlackBerry dan telefon pintar.

Kajian oleh Joel Cummings (2010), mendapati 58.4% responden menyemak OPAC Perpustakaan menggunakan telefon pintar. Mahu tidak mahu, perpustakaan akademik perlu melihat peluang dan ruang bagi mengaplikasi teknologi BlackBerry dan telefon pintar sebagai medium perkhidmatan rujukan dalam talian yang signifikan meliputi e-mel, e-jurnal, e-buku, OPAC dan sebagainya.

Perkhidmatan

Penulis telah melihat kejayaan Perpustakaan UKM menggunakan Perkhidmatan SMS PTSL (<http://smsptsl.ukm.my>) pada pertengahan tahun 2008 hingga kini. Terbukti SMS merupakan medium komunikasi yang cekap untuk memaklumkan perkhidmatan Perpustakaan kepada pelanggan seperti Perkhidmatan Pinjaman Antara Perpustakaan, Perkhidmatan Soalan Rujukan Lanjutan, Meja Penasihat Pembaca, Pakej Maklumat, komunikasi dalaman antara kakitangan mengenai mesyuarat, peringatan tugas dan sebagainya juga telah berfungsi dengan baik. Tentu sekali komunikasi lebih moden seperti e-mel, blog, MySpace, Twitter atau Facebook juga boleh mencapai keberkesanan melalui telefon pintar dan BlackBerry.

Menurut Joan K. Lippincott (2010), teknologi BlackBerry berupaya merakam video pendek, mengambil foto, membuat entri dalam blog, perbincangan topik khusus dengan rakan sekuliah melalui Facebook dan Twitter bagi menghasilkan pembentangan kertas kerja atau projek yang menarik, interaktif dan kreatif menggunakan Microsoft PowerPoint. Pustakawan boleh mengambil inisiatif dengan menguasai sepenuhnya ciri-ciri canggih BlackBerry dan telefon pintar untuk memberi pendedahan kepada pelanggan perpustakaan mengenai perisian pengurus bibliografik seperti WizFolio dan EndNote Web semasa Kursus Kemahiran Maklumat yang boleh digunakan secara bersama. Secara tidak langsung, ia membantu memberi dimensi dan nafas baru perkhidmatan perpustakaan supaya berinovasi dan tidak bersifat arkaik. (Arkaik - 1. kuno, sudah ketinggalan zaman; 2. sudah tidak lazim dipakai lagi – Sumber : Kamus Dewan Edisi Empat)

Perpustakaan Akademik luar Negara telah mula menyediakan perkhidmatan pinjaman komputer riba, kamera digital, kamera video, MP3, headphone dan iPod Touch. Ia telah memberikan ruang kepada perpustakaan akademik untuk menawarkan perkhidmatan terkini seperti lokar yang dilengkapi pengecas bateri dan punca kuasa elektrik yang strategik dan mencukupi. Manakala teknologi RFID membolehkan pengguna membeli minuman dan makanan ringan melalui 'vending machine', membuat fotokopi dan mencetak bahan rujukan atau membayar denda lewat pemulangan buku menggunakan telefon bimbit. Kaedah bayaran seperti ini telah meningkatkan perolehan dan urus niaga global, daripada 3 billion pada tahun 2007 kepada 10 billion dollar Amerika pada tahun 2009, Ezell, S. (2009)



Akses pangkalan data MD Consult melalui telefon pintar

Kaya

Perpustakaan UKM kaya dengan sumber maklumat elektronik dengan jumlah judul e-buku (418,663) dan e-jurnal (24,158) (Sumber : Statistik Perpustakaan UKM 2009). Justeru, kita amat memerlukan anjakan paradigma kepada perkhidmatan perpustakaan bercirikan e-mobiliti agar kepelbagaian sumber maklumat elektronik ini dapat disalurkan kepada pelanggan secara lebih berkesan. Istilah 'push technology' membolehkan proses 'updates' dan 'alert' bagi e-jurnal dan e-buku dapat direalisasikan. Perpustakaan boleh membantu pelanggan mendaftar akaun peribadi mereka dan memilih judul e-jurnal atau bidang kajian tertentu untuk menggunakan perkhidmatan 'push technology' ini secara percuma. Pada pandangan penulis, 'push technology' sangat berkesan jika dapat dibaca terus secara 'real-time' melalui BlackBerry dan telefon pintar. Ia bekerja secara automatik mengikut jadual yang ditetapkan oleh penerbit e-jurnal dan e-buku.

Sebagai kesimpulan, sejak zaman berzaman, manusia telah menggunakan pelbagai alat dan teknologi bagi tujuan penyebaran maklumat dan memudahkan aneka urusan. Walaupun sebahagian alat yang dicipta telah menyumbang kepada perkara positif dan negatif, kebijaksanaan kita sebagai pengguna yang akan menentukan baik atau buruknya sesuatu teknologi itu.

Rujukan

- BERNAMA. (2010). **Lebih Tiga Juta Telefon Pintar Dijual Seluruh Asia Timur, Asia Tenggara Dalam Masa Setahun**. <http://blis.bernama.com> 7 Julai 2010.
- Ezell, S. (2009). **Contactless mobile payments**. **Information Technology & Innovation Foundation**. www.itif.org/files/2009-mobile-payments.pdf (4 November 2010).
- Joan K. Lippincott (2010). **Mobile reference: what are the questions?**. *The Reference Librarian*, Vol. 51(1) pp.1-11.
- Joan K. Lippincott (2010). **A mobile future for academic libraries**. *Reference Services Review* Vol. 38 (2). pp.205-213.
- Joel Cummings (2010). **The use of handheld mobile devices: their impact and implications for library services**. *Library Hi Tech*. Vol. 28 (1). pp. 22-40.

Jom Twit! : ptsl2ukm Menjadi Wadah Baru Menyampaikan Maklumat dan Ilmu

Oleh: Hazmir Hj Zainal

Selaras dengan perkembangan semasa, Perpustakaan sentiasa berusaha mencari wadah baru yang sesuai bagi mempelbagaikan kaedah penyampaian maklumat kepada khalayak pelanggannya. Penyampaian maklumat ini seharusnya perlu melalui saluran komunikasi yang berkesan. Trend serta teknologi maklumat dan komunikasi semasa memungkinkannya.

Sudah banyak diperkatakan soal Web 2.0, tetapi pengertian sebenar dan pengisiannya adakalanya masih samar-samar. Kanak-kanak kecil, pelajar sekolah, pekerja swasta dan warga UKM tidak ketinggalan mengenal Facebook dan Youtube seumpama satu sumber hiburan tanpa batasan had dan waktu. Ada ketikanya menyebabkan ramai yang leka mengemaskini laman sampai lupa teman dan kerja! Apapun, teknologi adalah sesuatu yang tidak wajar disekat. Ia bersifat neutral dan terletak pada setiap individu untuk menggunakannya dengan rasa bertanggungjawab dan penuh berintegriti.

Twitter satu nama yang kadangkalanya agak tenggelam berbanding "abangnya" Facebook dalam menjuarai rangkaian sosial sejagat. Berkonsepan 'microblogging' berasaskan teks dengan had aksara tidak melebihi 140, mungkin menjadikan ia kurang diminati oleh sesetengah orang. Namun banyak udang banyak garam, banyak orang banyak ragamnya, ia tetap mengumpulkan jumlah pengguna mencecah angka 190 juta dengan catatan tweet tidak kurang 60 juta sehari. Tidak hairan jika ia digelar khidmat SMS melalui internet. Twitter amat mudah, ringkas dan menepati trend komunikasi semasa.

Perpustakaan tidak harus ketinggalan bagi mengisi ruang dan mencari peluang memanfaatkan kepelbagaian media komunikasi dalam rangkaian sosial sejagat ini. Justeru, satu laman Twitter telah diwujudkan mulai Disember 2010, dengan satu tekad agar ia bukan menjadi penumpang, tetapi seharusnya penyumbang kepada sumber maklumat dan ilmu yang bermanfaat. Warga Perpustakaan khususnya Pustakawan, tidak seharusnya gagal memanfaatkan peluang daripada pengwujudan laman Twitter rasmi Perpustakaan UKM ini. Ia bermatlamat menjadi wadah komunikasi dan promosi berkesan bagi menyampaikan maklumat seperti berita semasa, perkhidmatan ditawarkan, program latihan yang dianjurkan termasuk jadual terkini, buku baru, statistik penting, penyelidikan dan penerbitan terkini, tips-tips, malah apa sahaja yang difikirkan bermanfaat untuk dikongsikan.

Untuk membuat 'posting', sila lawati <http://goo.gl/cngGe> dan lengkapkan borang yang disediakan. Perlu diambil perhatian bahawa had aksara adalah 140 dan ini termasuk jarak dan tanda baca. Gunakan kreativiti bagi menyampaikan maklumat dengan ringkas, tepat dan padat. Pautan ke URL dan lampiran gambar juga boleh dibuat jika ada keperluan. Jadi tunggu apa lagi, jom aktifkan akaun Twitter anda hari ini dan sertai kami di <http://twitter.com/ptsl2ukm>

Oleh: Shahrudin Shafri

Fenomena Facebook atau 'Mukabuku' akhir-akhir ini telah mendominasi komuniti pengguna Internet di seluruh dunia. Ke mana sahaja kita pergi, samada perpustakaan, kedai mamak, lapangan terbang, hatta di tempat awam yang ada lambang WiFi/Hotspot, kita dapat melihat ramai orang melayari laman Facebook.

Apakah Facebook? Ia merupakan aplikasi web sosial percuma yang menghubungkan pengguna dengan pengguna lain. Kekuatan yang digunakan adalah dengan memberi autoriti kepada Facebook untuk mengakses alamat yang tersimpan dalam e-mel seseorang dan memberikan rujukan kepada rakan-rakan yang ada dalam jaringan sosial. Dengan kemudahan 'people you may know', kita dapat menemukan dan memilih orang yang dikenali. Justeru, jaringan sosial inilah dapat dimanfaatkan sebagai sasaran perkhidmatan kepada perpustakaan.

Selain memberikan akaun untuk individu, Facebook juga menyediakan 'Facebook page' untuk mewakili entiti lain, misalnya tokoh sejarah, pelancongan, pendidikan, laman peribadi dan lain-lain termasuklah perpustakaan.

Perpustakaan dapat memanfaatkan 'Facebook page' sebagai salah satu kaedah promosi perkhidmatan perpustakaan di samping memelihara hubungan dengan pengguna tetap dan membina jaringan baru pengguna perpustakaan. Bagaimanakah cara untuk membuat Facebook perpustakaan?

Berikut ialah panduan untuk membuat 'Facebook page' perpustakaan:

- i. Pilih kategori 'Local' dan 'Library/Public Building'.
- ii. Tulis nama perpustakaan. Isi pengesahan (verification) dalam kotak yang disediakan.
- iii. Klik ikon 'Create page'. Sebuah halaman baru akan dibuat secara automatik.
- iv. 'Upload picture' di bawah kotak dengan simbol tanda soal untuk memuat naik gambar-gambar perpustakaan.
- v. Lengkapkan maklumat asas seperti alamat, nombor telefon, waktu pembukaan, serta maklumat lengkap perpustakaan. Misalnya jenis perpustakaan, jumlah koleksi, perkhidmatan yang ditawarkan, pegawai pentadbiran, pustakawan dan lain-lain yang berkaitan.

Facebook memberikan kemudahan menarik yang boleh dimanfaatkan oleh para pustakawan untuk mempromosikan aktiviti perpustakaan akademik.

Antara kemudahan-kemudahan yang boleh digunakan di dalam Facebook adalah seperti berikut :

Mini Feed

Merupakan aplikasi kemaskini automatik sebarang perubahan yang pustakawan lakukan di 'Facebook Page'

perpustakaan. Pengunjung dapat melihat perpustakaan sentiasa mengemaskini maklumat dan aktiviti yang berlaku di perpustakaan. Pustakawan juga boleh memanfaatkan 'mini feed' untuk mendapatkan maklumat daripada laman web lain yang memiliki XML atau RSS Feed. Contohnya, dengan mengambil RSS News daripada laman web akhbar atau jurnal ilmiah atau ke laman web perpustakaan sendiri.

Information

Dapat digunakan untuk memberi maklumat tambahan tentang perpustakaan. Webmaster boleh memasukkan nama-nama pustakawan, bahagian, nombor telefon, e-mel, Yahoo Messenger, Skype serta perkhidmatan yang di berikan.

Wall

Kemudahan ini diumpamakan sebuah buku tamu perpustakaan. Perpustakaan boleh menjawab sebarang pertanyaan, komen, cadangan daripada pengguna perpustakaan.

Discussion Board

Kemudahan Ruangan perbincangan berstruktur berdasarkan 'thread' atau topik tertentu yang mungkin di pilih oleh webmaster. Ia sangat bermanfaat untuk menambahbaik perkhidmatan perpustakaan seperti mempromosikan koleksi atau menarik minat pengguna perpustakaan dengan perkhidmatan yang disediakan.

Likes

Pengguna perpustakaan boleh menyatakan sokongan kepada perkhidmatan perpustakaan dengan menjadi peminat (Likes) Facebook perpustakaan.

Gambar dan Video

Pustakawan boleh memuat naik atau memuat turun gambar-gambar dan klip video pendek menarik perpustakaan.

Events

Kemudahan ini boleh membantu perpustakaan merancang aktiviti perpustakaan dan mengundang para peminat untuk mengesahkan kehadiran mereka. Facebook akan secara automatik membuat satu page untuk setiap kegiatan.

Notes

Pustakawan boleh menulis catatan, nota ringkas atau mengimport maklumat sedia ada dalam laman web perpustakaan.

Share

Share membolehkan sesiapa saja mencadangkan Facebook perpustakaan kepada pengguna baru.

Application

Melalui 'EditPage' dalam fungsi Admin beberapa 'setting' boleh dilakukan seperti 'More Application'. Pentadbir boleh memilih pelbagai aplikasi yang berguna seperti RSS import, causes, Worldcat dan lain-lain.

Setelah selesai membuat dan menerbitkan 'Facebook page' perpustakaan, gunakan kemudahan "share" untuk mengumumkan perkhidmatan perpustakaan ke seluruh dunia.



Antara buku yang dipamerkan



Sesi forum Inovasi (Information Management Hot Spot)

Oleh: Azlan Mohamad Hamzah

Pesta Buku Antarabangsa Frankfurt atau Frankfurt Book Fair (FBF) merupakan pesta buku yang terbesar dan terpenting di dunia yang diadakan setiap tahun. FBF adalah tempat yang strategik untuk pertemuan dan rundingan kerjasama pustakawan dengan pembekal, penerbit serta penjual buku di samping untuk perdagangan dan pelesenan buku, multimedia, penerbitan bercetak dan pangkalan data. Pada tahun ini, FBF diadakan pada 6 hingga 10 Oktober 2010 dan telah dihadiri oleh seramai 279,325 pelawat.

Perpustakaan PPUKM telah diwakili oleh Encik Wan Suhaimi Ariffin dan penulis bagi lawatan ke FBF tahun ini. Lawatan ini adalah tugas rasmi bagi pemilihan bahan dan jurnal bagi koleksi Perpustakaan. Ini adalah lawatan yang pertama bagi penulis ke FBF dan ke negara Jerman amnya. Penulis teruja apabila pertama kali menjejakkan kaki di pesta buku ini setelah melihat dewan pameran yang begitu besar dan banyaknya pembekal buku yang terlibat. Pada tahun ini, sebanyak 7,539 penerbit dan pembekal buku daripada 111 negara terlibat dalam pesta buku ini.

Setiap tahun, FBF akan menjemput negara lain untuk menjadi tetamu kehormat (Guest of Honor). Pada tahun ini, Argentina menjadi Guest of Honor dan pada tahun 2011 ialah Iceland. FBF akan menyediakan program dan dewan khas untuk negara tetamu ini untuk menunjukkan koleksi penerbitan, pameran budaya dan forum khas bagi negara tersebut dalam pelbagai bidang.

Di samping pameran buku, FBF juga mengadakan pelbagai sesi dialog, forum dan seminar 'Best Practice'. Penulis berkesempatan menghadiri Forum Inovasi (Information Management Hot Spot) yang mengutarakan pelbagai isu dan teknologi terkini dalam bidang kepustakawanan dan penerbitan. Sebanyak 3,000 acara dan program telah diadakan yang melibatkan pelbagai pihak. Terdapat juga sesi dialog yang disertai oleh Malaysia yang

membincangkan tentang industri buku di Malaysia yang dianjurkan oleh Majlis Buku Malaysia. Selain itu, terdapat satu sesi persembahan sempena pelancaran buku mengenai Mak Yong oleh Institut Terjemahan Negara Malaysia.

Menerusi lawatan ke FBF ini, banyak faedah yang diperolehi, antaranya perpustakaan dapat membuat pemilihan secara terus bahan-bahan perpustakaan yang terkini terutamanya bahan perubatan dari pelbagai penerbit antarabangsa di samping berpeluang bersemuka dengan penerbit, penulis, pustakawan dan pembekal buku. Di samping itu, penulis dapat memperoleh ilmu dan pengetahuan baru tentang dunia kepustakawanan dan penerbitan buku melalui sesi forum dan dialog yang diadakan.

Kesimpulannya, Perpustakaan PPUKM telah mendapat pelbagai faedah melalui lawatan ini khususnya dalam pembangunan koleksi dan sumber terkini bagi kegunaan pelanggan Perpustakaan.



Penulis bergambar kenangan di Pesta Buku Antarabangsa Frankfurt



Pameran Karya Agung di Aras 4,
Perpustakaan Tun Seri Lanang



Oleh: Rosnah Suliman

Oleh: Nik Salimah Nik Abdullah

Memetik artikel “Tradisi Membudaya Ilmu, Sejarah Islam Perlu Dihidupkan Semula” yang menyebut tentang sistem pendidikan hari ini di mana pembudayaan terhadap karya agung yang wujud dalam sesebuah masyarakat mahupun tamadun di tahap suam-suam saja. Sehubungan dengan itu, bekas Canselor Universiti Chicago, Robert M Hutchins mengemukakan pendapat dalam mukadimah beliau seperti dalam buku *The Great Books of Western World* : “Seseorang itu tidak dikatakan terpelajar melainkan mesra dengan karya agung tradisinya”.

Karya agung sememangnya memberi impak yang besar dalam perkembangan tamadun manusia dan menjadi rujukan penting serta relevan sepanjang zaman. Ia merakamkan pemikiran asli yang diilhamkan oleh pengarang dan mengandungi pemikiran yang luas berkenaan pelbagai isu dalam bidang kepakaran masing-masing. Selain dari itu, ia juga mempunyai nilai untuk mendidik pemikiran masyarakat yang sihat dan sejati, mempunyai tarikan tersendiri serta pengaruhnya mampu bertahan lama dalam kehidupan dan pemikiran manusia.

Atas usaha untuk menghidupkan dan menyemarakkan kembali tradisi pembudayaan ilmu yang asli, pihak Perpustakaan UKM telah mengambil inisiatif menganjurkan Pameran Penghayatan Karya Agung dan dijadikan salah satu aktiviti sempena Pembudayaan Ilmu 2010. Ia diadakan selama sebulan bermula dari 5 Ogos hingga 5 September 2010. Pameran ini bertemakan ‘Karya Agung Dalam Peradaban Islam’.

Pameran ini akan diadakan secara bersiri dengan mempamerkan karya-karya agung lain yang menjadi sumber pembangunan pemikiran yang lebih kreatif dan merangsang daya intelek di kalangan masyarakat sejagat. Sebagai permulaan, 13 karya agung yang ditulis oleh 10 orang tokoh dalam peradaban Islam dalam koleksi Perpustakaan telah dipamerkan. Ia disusun mengikut nama tokoh dengan hasil karangan mereka. Pameran ini dapat memberi penghormatan terhadap penulis dan karya agung mereka serta memberi kesedaran tentang ketokohan ilmuan dan sarjana Islam.

Dengan itu pihak Perpustakaan UKM telah mengambil inisiatif mewujudkan Jawatankuasa Penghayatan Karya dengan usaha untuk mempamerkan sebahagian karya agung yang terdapat dalam koleksi Perpustakaan.

Kursus Penyelidikan Undang-Undang telah diadakan pada 17 hingga 19 Mei 2010, bertempat di Perpustakaan Kuala Lumpur. Kursus yang dianjurkan oleh Rangkaian Ilmu ini telah dikendalikan oleh Tuan Shaikh Mohamed Nordin sebagai tenaga pengajar. Beliau merupakan pakar runding perpustakaan undang-undang. Objektif utama kursus ini diadakan adalah meningkatkan pengetahuan dan kemahiran para peserta dalam penyelidikan undang-undang.

Kursus selama tiga hari ini memberi pendedahan kepada peserta tentang undang-undang, sumber perundangan dan tahap kesahihannya, asas penyelidikan undang-undang, metodologi undang-undang dan peranan pustakawan dalam penyelidikan undang-undang.

Bagi pustakawan undang-undang terutamanya pustakawan yang baru bertugas di perpustakaan undang-undang, kursus ini sangat bermanfaat kerana ia dapat membantu memahami jenis bahan, istilah dan undang-undang itu sendiri.

Antara perkara yang dibincangkan dalam kursus tersebut adalah :

- i. Keperluan kemahiran penyelidikan undang-undang antara peguam dan pustakawan.
- ii. Bagaimana mengatasi kesukaran dalam penyelidikan undang-undang.
- iii. Mengenali kronologi sejarah, sumber undang-undang dan sistem perundangan di Malaysia.
- iv. Sumber undang-undang dari pelbagai perspektif sistem perundangan.

Kursus ini juga dihadiri oleh pustakawan dari Universiti Malaya, Universiti Utara Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Mahkamah Persekutuan dan Suruhanjaya Sekuriti. Pada akhir kursus tersebut, ujian telah dijalankan bagi menguji sejauh mana kefahaman peserta tentang perkara yang diajar sepanjang kursus tersebut.

Oleh : Hamidah Erman

Tugas pengkatalogan semakin mencabar kerana perlu berhadapan dengan kesan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi masa kini terhadap bentuk sumber maklumat. Perpustakaan memperoleh bukan sahaja bahan buku tetapi juga bahan elektronik dan sumber media yang pelbagai bentuk. Perkembangan sumber maklumat digital dan kaitannya dengan keperluan maklumat pelanggan, telah menimbulkan persoalan apakah Anglo-American Cataloguing Rules, Second Edition (AACR2R) masih relevan sebagai piawai untuk melaksanakan pengkatalogan deskriptif atau perlu diganti dengan piawai yang lain?

AACR2R telah digunakan bagi mengkategorikan jenis bahan perpustakaan meliputi bab-bab khusus untuk membuat deskripsi bahan buku, terbitan bersiri, rakaman suara, 'motion pictures', sumber elektronik dan sebagainya. Struktur setiap bab dibuat berdasarkan lapan kawasan yang dideskripsikan dalam International Standard Bibliographic Description (ISBD). Pada masa ini, perbezaan jenis bahan perpustakaan semakin kabur seiring dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi. Justeru, walaupun penggunaan istilah dalam AACR2R ada yang telah dikemaskini, namun ianya dianggap masih belum cukup untuk menjadikannya relevan dengan dunia digital.

Menyedari keperluan untuk meningkatkan ilmu dan kefahaman mengenai pengkatalogan deskriptif bahan elektronik dan sumber media, Perpustakaan UKM dan Unit Latihan Jabatan Pendaftar UKM telah menganjurkan Bengkel Pengkatalogan yang berlangsung pada 20 hingga 22 September 2010. Untuk menjayakan bengkel ini, pihak Perpustakaan UKM telah menjemput Cik Salmah Salleh daripada Wisdom Synergy Enterprise yang juga merupakan mantan pensyarah Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Shah Alam sebagai penceramah.

Objektif bengkel adalah memberi peluang kepada peserta memperoleh pengetahuan, kefahaman dan pengalaman menggunakan piawai pengkatalogan sebagai satu pendekatan menyediakan akses katalog untuk pelbagai sumber media dan elektronik, termasuklah format Machine Readable Catalogue (MARC 21). Di samping itu, melalui bengkel ini juga diharapkan para peserta dapat mengenalpasti peraturan dan masalah pengkatalogan deskriptif sumber media dan elektronik.



Sebahagian peserta yang hadir



Sesi bergambar peserta bengkel bersama penceramah

Bengkel yang berlangsung selama tiga hari dan telah diadakan di Makmal Pra-Siswazah, siber@ptsl, Perpustakaan Tun Seri Lanang, UKM Bangi ini telah dihadiri oleh seramai 40 orang peserta. Mereka terdiri dari pustakawan, pembantu perpustakaan dan lain-lain yang terlibat dengan tugas pengkatalogan di institusi masing-masing. Selain UKM, institusi yang menghantar peserta termasuklah UIA, UMS, UMT, UNIMAP, UNITEN, Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, Taylor College dan lain-lain institusi.

Para peserta juga telah didedahkan mengenai Resource Description and Access (RDA) dan persoalan sama ada perpustakaan di Malaysia perlu berhijrah dari AACR2R kepada RDA sebagai piawai dalam melaksanakan pengkatalogan deskriptif. Penceramah telah menjelaskan mengenai RDA, hubungan RDA dan AACR2R, AACR3 vs RDA serta aplikasi MARC21 kepada RDA.

Oliver (2007), telah mendefinisikan RDA seperti berikut : "RDA is a content standard, not a display standard and not a metadata schema. RDA is a set of guidelines that indicates how to describe a resource, focusing on the pieces of information (or attributes) that a user is most likely to need to know. It also encourages the description of relationships between related resources and between resources and persons or bodies that contributed to creation of that resource."

RDA yang diperkenalkan sebagai menggantikan peranan AACR2R, dibuat berdasarkan model konseptual Functional Requirements for Bibliographic Records (FRBR), Functional Requirement for Authority Data (FRAD), dan Functional Requirement for Subject Authority Records (FRSAR). RDA juga tidak menuruti format dan tanda bacaan dalam ISBD.

Segala persoalan yang berkaitan dengan RDA khususnya bagi perpustakaan di Malaysia, masih belum terjawab. Peserta bengkel mencadangkan supaya pihak Perpustakaan UKM mengadakan bengkel khas untuk membincangkan RDA dan implikasi sekiranya perpustakaan berhijrah daripada menggunakan AACR2R kepada RDA.

Oleh: Norbaizura Malek

Perpustakaan UKM dengan kerjasama Sekretariat Pesta Konvokesyen telah mengadakan pertandingan e-J Inforace sempena Pesta Konvokesyen ke-38 UKM. Ia merupakan salah satu program pengisian Karnival Konvo ICT yang dilaksanakan di bawah Sekretariat Pesta Konvokesyen ke-38 dan di bawah seliaan Perpustakaan UKM yang bertemakan “Teknologi Memperkasa Generasi Glokal”. Ini merupakan pertandingan e-J Inforace kali ke-6 yang dijalankan sejak tahun 2005.

Objektif pertandingan ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pelanggan mengenai akses sumber elektronik khusus kepada pangkalan data jurnal elektronik dan pencarian maklumat melalui Katalog Perpustakaan GEMILANG. Ia juga bertujuan untuk membina kemahiran pencarian maklumat dengan lebih berkesan di kalangan pelajar di samping membina kemahiran mengakses dan menilai sumber maklumat yang diperlukan.

Pertandingan ini telah diadakan seperti berikut :

- Kampus Bangi
Tarikh : 13 – 15 Julai 2010
Masa : 8.00 malam – 10 malam
Tempat : siber@ptsl
- UKM Kampus Kuala Lumpur
Tarikh : 14 Julai 2010
Masa : 3.00 petang – 5.00 petang
Tempat : Makmal Digital, Perpustakaan Dr. Abdul Latiff
- UKM Kampus Cheras
Tarikh : 14 Julai 2010
Masa : 8.00 malam – 10 malam
Tempat : Makmal Internet, Perpustakaan PPUKM

Penyertaan dibuka kepada semua kolej kediaman UKM termasuk kolej di Kampus Kuala Lumpur dan Cheras. Setiap kolej perlu menghantar 22 orang wakil dari kolej masing-masing dan peserta akan membentuk satu kumpulan yang terdiri daripada dua orang untuk bertanding dalam pertandingan ini.

Pada peringkat awal, penyertaan adalah terhad kepada pelajar kolej tahun dua ke atas sahaja memandangkan tidak diadakan Bengkel Kemahiran Maklumat e-J Inforace seperti tahun-tahun lepas. Walaubagaimanapun, majoriti peserta adalah pelajar tahun satu prasiswazah disebabkan pertindihan dengan aktiviti kolej. Jumlah pelajar yang menyertai pertandingan ini adalah seramai 184 orang.

Seramai 25 Pustakawan yang juga merupakan Pegawai Seranta Kolej telah terlibat sebagai fasilitator sepanjang pertandingan diadakan. Soalan pertandingan adalah lebih kepada pengesanan dan pencarian maklumat menggunakan katalog GEMILANG dan beberapa pangkalan data jurnal elektronik langganan Perpustakaan seperti Emerald, ScienceDirect, OVIDsP, EbscoHost, dan Proquest.

Setiap peserta akan diberi cenderamata seperti beg kertas UKM, pen, buku nota e-J Inforace dan token-token sumbangan daripada pembekal pangkalan data UKM. Hadiah-hadiah yang disediakan terdiri daripada peralatan komputer seperti mesin pencetak, pemacu pena (pendrive), beg laptop dan lain-lain. Hadiah-hadiah diberikan berdasarkan kategori berikut :

- o Hadiah “Winner of the day” berdasarkan markah tertinggi mengikut kolej.
- o Hadiah “2nd Winner of the day” berdasarkan markah kedua tertinggi mengikut kolej.
- o Lapan hadiah utama berdasarkan markah tertinggi keseluruhan pertandingan.
- o Jawatankuasa Kebajikan Siswa/I (JAKSA) terbaik berdasarkan komitmen keseluruhan.
- o Kolej terbaik berdasarkan penyertaan terbanyak.

Majlis penyampaian hadiah pertandingan telah diadakan pada 17 Julai 2010 sempena dengan Majlis Penutupan Karnival Konvo ICT. Majlis perasmian dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YB. Tuan Haji Fadillah Haji Yusof, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi bertempat di Dataran Pusanika UKM. Senarai pemenang adalah seperti di bawah :

- Tempat Pertama : Kolej Ibu Zain
- Tempat Kedua : Kolej Ungku Omar
- Tempat Ketiga : Kolej Ibu Zain
- Tempat Keempat : Kolej Aminudin Baki
- Tempat Kelima : Kolej Tun Dr. Ismail
- Tempat Keenam : Kolej Tun Hussein Onn
- Tempat Ketujuh : Kolej Aminudin Baki
- Tempat Kelapan : Kolej Dato Onn
- Kolej Terbaik : Kolej Tun Dr. Ismail
- Pemenang JAKSA Terbaik: Khairul Anuar Azman (Kolej Dato Onn)



Pemenang menerima hadiah daripada Puan Lela Ruzma, Pengerusi e-J Inforace



Paparan web JetP

Oleh: KIK KLIK

Perpustakaan Tun Seri Lanang telah melanggan sebanyak 24,158 jurnal elektronik daripada 87 buah Pangkalan Data seperti ScienceDirect, EBSCOHost, ProQuest, Wiley, JSTOR dan sebagainya. Daripada jumlah ini, sebanyak 13,969 (57.8%) merupakan langganan jurnal elektronik teks penuh. Pakej langganan pangkalan data adalah berbeza seperti jurnal elektronik teks penuh atau jurnal elektronik tanpa teks penuh (abstrak dan indeks).

Perbezaan pakej langganan jurnal elektronik telah menimbulkan kekeliruan kepada Pelanggan di dalam mengenalpasti manakah di antara jurnal elektronik tersebut mempunyai akses teks penuh atau tidak. Ini telah menyebabkan pencarian e-jurnal teks penuh menjadi tidak efisien. Pelanggan mengambil masa yang lama untuk memuat turun satu judul e-jurnal teks penuh. Pelanggan juga tidak dapat mengoptimumkan penggunaan jurnal elektronik yang dilanggan oleh Perpustakaan. Justeru, bagi meningkatkan imej Perpustakaan sebagai institusi yang bertanggungjawab mengurus, menilai, melanggan dan menyediakan perkhidmatan bercetak dan elektronik, masalah pencarian e-jurnal teks yang tidak efisien perlu diatasi.

Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) KLIK telah membangunkan sebuah pangkalan data bagi mengumpulkan semua jurnal elektronik teks penuh yang dilanggan oleh Perpustakaan. Pangkalan data ini dinamakan Jurnal Elektronik Teks Penuh (JetP). Ia boleh diakses sama ada daripada dalam dan luar Kampus UKM melalui <http://www.eklik.ukm.my/jetp>.

Melalui JetP, pengguna boleh membuat carian jurnal elektronik berdasarkan judul jurnal, nombor ISSN, bidang perkara atau judul pangkalan data. Setiap jurnal mempunyai pautan terus kepada pangkalan data yang dilanggan oleh Perpustakaan seperti ScienceDirect, Emerald, EBSCOHost, ProQuest, Wiley dan sebagainya. Seterusnya artikel teks penuh di dalam jurnal elektronik tersebut mudah dikesan dan dimuat turun. Maklumat Faktor Impak Jurnal iaitu satu indikator atau penarafan jurnal yang diterbitkan oleh ISI Thomson Reuters juga disediakan bagi jurnal-jurnal yang berkaitan. Ini membantu pelanggan membuat pilihan jurnal elektronik yang berimpak tinggi untuk tujuan rujukan. Berdasarkan ciri-ciri tersebut, JetP merupakan sebuah senarai induk jurnal elektronik teks penuh langganan Perpustakaan UKM yang pertama dibangunkan di Malaysia mengandungi maklumat Faktor Impak Jurnal.

Dengan JetP, masa pencarian bagi jurnal elektronik teks penuh dapat dipendekkan. Melalui uji coba masa yang telah dijalankan, JetP berjaya menjimatkan masa purata pencarian jurnal elektronik teks penuh daripada masa purata 25 minit (tanpa JetP) kepada 2 minit 30 saat (dengan JetP). JetP juga telah mengelakkan sebarang kos perolehan pangkalan data sehingga RM90,000 jika dibangunkan oleh syarikat luar. Sehingga kini, JetP telah merekodkan statistik penggunaan yang tinggi iaitu 24,420 'views' mulai Julai hingga November 2010 (pada 08.11.2010). Statistik menunjukkan JetP telah digunakan oleh pengguna dari Malaysia, Indonesia, Mesir, The USA, The UK, India dan lain-lain lagi. Ia membuktikan JetP telah memberi impak yang tinggi bukan sahaja kepada pelanggan UKM malah telah digunakan secara global dalam memudahkan pencarian jurnal elektronik teks penuh. JetP juga menyokong usaha UKM sebagai sebuah Universiti Penyelidikan dan memainkan peranan penting melalui usahasama Sistem Pembekalan Penerbitan (SPP) di antara Perpustakaan UKM dan Perpustakaan Akademik di Malaysia serta agensi kerajaan.

Pada 27 Oktober 2010, bertempat di Kompleks Tun Abdullah Mohd Salleh UKM, KIK KLIK telah membawa projek JetP menyertai Konvensyen KIK UKM ke-15 dan mendapat saguhati. Namun, apa yang dihasratkan oleh KIK KLIK iaitu membantu pelanggan mengesan dan mengoptimumkan jurnal-jurnal elektronik berkualiti yang dilanggan oleh Perpustakaan adalah merupakan satu kejayaan dan kepuasan yang tidak ternilai harganya.

Bil	Negara	Jumlah Views
1.	Malaysia	23,820
2.	Egypt	162
3.	Indonesia	155
4.	India	73
5.	Iran	40
6.	Singapore	26
7.	United States	24
8.	Yemen	23
9.	Jordan	16
10.	Algeria	15
11.	United Kingdom	13
12.	Brunei	10
13.	Palestinian	8
14.	Argentina	8
15.	Iraq	6
16.	Bulgaria	5
17.	Spain	3
18.	Canada	2
19.	Germany	2
20.	Austria	2
21.	Japan	1
22.	Russia	1
23.	China	1
24.	France	1
25.	Syria	1
	Total	24,421

Rajah 2 : Statistik pengaksesan JETP mengikut Negara (Julai-November 2010). Akses pada 08.11.2010 – sumber <http://webstats.motigo.com/s?tab=1&link=3&id=4772761>



KIK MIZAN Beri Saingan Di Konvensyen KIK UKM 2010

KIK Pantas 3 Sertai Konvensyen KIK Peringkat UKM Kali Ke-15 Tahun 2010



Ahli KIK Mizan bersama Fasilitator



Ahli KIK Pantas 3 bersama Fasilitator

Oleh: KIK MIZAN

Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat UKM kali ke-15 tahun 2010 baru sahaja berakhir. Walaupun kejayaan bukan milik KIK Mizan, ilmu dan pengalaman yang ditimba sepanjang persediaan untuk konvensyen ini amat bernilai. Pelbagai kenangan yang telah dilalui, yang adakalanya menggugat semangat ahli untuk menyertai konvensyen tersebut. Namun, semangat kekeluargaan, persahabatan dan kerja berpasukan yang dipupuk selama ini berjaya mengatasi segala permasalahan yang menjengah.

Pada konvensyen kali ini, KIK Mizan mempertaruhkan sebuah projek dalam kategori teknikal. Projek ini merupakan inovasi kepada permasalahan yang sering dihadapi oleh pengguna di Perpustakaan Undang-Undang iaitu proses penyusunan buku yang kurang efisien. Penyelesaian yang dicadangkan ialah dengan mengubahsuai 'bookend' agar menjadi lebih fleksibel, yang mana 'bookend' akan berganjak apabila buku ditarik keluar dan ianya dapat menyokong buku daripada rebah. Dengan terhasilnya projek ini, masa untuk menegakkan buku telah berkurangan dan jumlah proses penyusunan buku juga dapat ditingkatkan.

Terdiri daripada sembilan ahli dengan diketuai oleh Encik Azrul Azlan Mahat, KIK Mizan menyahut cabaran dengan menyertai Konvensyen KIK UKM 2010. Hasil pengalaman yang pernah ditimba semasa menyertai konvensyen KMK suatu masa dahulu sedikit sebanyak dapat membantu dalam penyertaan kali ini. Selain daripada itu, bimbingan dan tunjuk ajar daripada fasilitator dan mereka yang lebih berpengalaman amat diperlukan terutamanya sepanjang penyediaan dokumen.

Usaha dan idea yang KIK Mizan ketengahkan ini merupakan idea yang mampu dilaksanakan oleh ahli-ahli dengan kudrat yang ada. Kemahiran membuat pertukangan telah dimanfaatkan sepenuhnya dan terhasillah 'Bookend Fleksibel' yang merupakan 'bayi sulung' bagi KIK Mizan. Diharapkan agar KIK Mizan akan terus mencambahkan idea-idea kreatif dan menghasilkan produk-produk lain. Semoga pada masa akan datang, kejayaan adalah milik KIK Mizan.

Oleh: KIK Pantas 3

Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Pantas 3 telah ditubuhkan pada 1 April 2009 hasil daripada Mesyuarat Kualiti Perpustakaan UKM agar setiap bahagian menubuhkan kumpulan KIK. Dahulunya kumpulan ini lebih dikenali dengan KMK Pantas. Oleh kerana ahlinya silih berganti maka nama kumpulan ditukar kepada Pantas 3.

Pantas 3 dianggotai oleh 10 orang ahli daripada Bahagian Perkhidmatan Pelanggan. Ianya diketuai oleh Mohd Nor Yusof manakala Cik Rohaya Umar sebagai Fasilitator. Ahli-ahlinya terdiri daripada Hamzah Jahid, Azemi Ahmad, Mohd Khairul Ibrahim, Mohd Fadhil Talib, Shahrol Faizal Mohamed, Julaiha Aznam, Nurbaiti Johan, Farah Eiza Abu Hadin dan Nor Ilyah Othman. KIK Pantas 3 telah menempa kejayaan apabila menjadi Naib Johan Pertandingan KIK Peringkat Perpustakaan pada tahun 2009. Kemenangan tersebut telah membakar semangat ahli apabila Kumpulan Pantas 3 menyertai Konvensyen KIK Peringkat UKM Kali Ke-15 Tahun 2010 yang telah berlangsung pada 27 Oktober 2010 bertempat di Kompleks Tun Abdullah Mohd Salleh, UKM dengan tajuk projek "Peningkatan Buku Rosak Di Mesin Pemulangan Layan Diri".

Dalam konvensyen tersebut, Kumpulan KIK Pantas 3 meraih hadiah saguhati sahaja dengan mencipta alat landasan mesin pemulangan layan diri yang diberi nama R&S (Roller & Slide). Terciptanya alat ini dapat mengurangkan jumlah kerosakan buku. Selain Pantas 3, KIK KLIK, KIK Mizan, KIK Siber dan KIK Mutiara juga telah menyertai konvensyen ini. Walaupun KIK daripada Perpustakaan hanya memperolehi saguhati, Perpustakaan telah memberikan saingan yang sengit kepada kumpulan-kumpulan lain. Semoga KIK Perpustakaan UKM terus menjadi inspirasi kepada kakitangan Perpustakaan untuk mencapai kejayaan yang lebih besar pada masa akan datang.



KIK SIBER Persembahkan Inovasi Perpustakaan Dalam Konvensyen KIK

E-Content vs PTSL-JCP Hasil Inovasi KIK MUTIARA



Ahli KIK SIBER bersama Fasilitator dan Ketua Perpustakaan PPUKM



Ahli KIK Mutiara bersama Fasilitator

Oleh: KIK SIBER

Oleh: KIK Mutiara

Budaya Inovasi dan kreativiti amat dititikberatkan dalam perkhidmatan awam pada masa kini. Perpustakaan PPUKM juga tidak terkecuali untuk menyahut seruan kerajaan dalam memberi perkhidmatan menerusi inovasi. yang bakal dihasilkan. Sehubungan dengan itu, Perpustakaan PPUKM telah mengambil inisiatif melalui penubuhan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) SIBER.

Bagaimana teretusnya idea untuk menjadikan koleksi jurnal bercetak yang terbina sejak 40 tahun yang lalu di Bahagian Pengurusan Jurnal menjadi koleksi digital? Impian atau kenyataan?. Pasti jika berjaya diuruskan dengan baik, koleksi ini akan dapat diakses oleh pelajar dengan cara yang berbeza, lebih mudah dan cepat. Atas sebab itulah Puan Norleena dan Puan Rapiza telah mengambil peluang ini untuk menghasilkan satu projek inovasi yang bertajuk “Halaman kandungan jurnal bercetak : pengimbasan dan pendigitan”. Projek ini telah dibentangkan pada 11 Mac 2009 kepada Ketua Bahagian Pengurusan Jurnal seterusnya kepada Ketua Program Pembangunan Sumber pada 4 Mei 2009. Tajuk ini didapati menarik dan berpotensi untuk dijadikan projek KIK kerana ianya akan memberi impak yang besar kepada pengguna perpustakaan dan penyelidik UKM.

Kumpulan Inovatif & Kreatif Siber dari Perpustakaan Pusat Perubatan UKM telah ditubuhkan pada 4 April 2003 dan dianggotai oleh 10 orang ahli yang diketuai oleh Encik Jamaludin Abdul Samad manakala Encik Azlan Mohamad Hamzah sebagai fasilitator.

Penubuhan kumpulan ini bertujuan memberi sumbangan kepada Perpustakaan PPUKM bagi penambahbaikan perkhidmatan perpustakaan yang cekap, tepat dan mesra selaras dengan piagam pelanggan perpustakaan iaitu “Pelanggan Didahulukan, Prestasi Diutamakan”.

Kumpulan Mutiara telah mempersembahkan projek ini dalam Konvensyen KIK peringkat Perpustakaan 2009 yang bertajuk “Kesukaran Pencarian Artikel Dalam Jurnal Bercetak” dan berjaya meraih naib johan dalam pertandingan tersebut. KIK Mutiara terus bertanding dengan penuh semangat di Konvensyen KIK peringkat UKM ke 15 pada 27 Oktober 2010 dan telah mendapat hadiah saguhati sebanyak RM500.00. Penyertaan dalam konvensyen ini telah banyak memberi pengalaman dan iktibar kepada semua ahli KIK.
Pengalaman Suka Duka

Dalam jangka masa penubuhan KIK Siber hingga kini, kumpulan telah terlibat dengan aktiviti inovasi dengan menyertai beberapa konvensyen KIK peringkat UKM, IPTA dan pertandingan KIK peringkat Perpustakaan UKM. Di antara kejayaan kumpulan adalah Naib Juara Konvensyen KMK 2004, dan saguhati Konvensyen KMK IPTA Pertama 2004.

Pada tahun 2010, KIK Siber sekali lagi menyertai Konvensyen KIK ke-15 UKM pada 27 Oktober 2010 dengan tajuk projek “Kelewatan Maklumbalas Pelanggan Perpustakaan” dan mendapat saguhati. Inovasi yang dijalankan ialah dengan mewujudkan Sistem i-Siber iaitu sistem maklumbalas pelanggan yang interaktif dan mesra pelanggan dengan ciri-ciri keselamatan serta dapat mempercepatkan proses maklumbalas kepada pelanggan. Semoga KIK Siber akan mendapat kejayaan yang lebih cemerlang di dalam konvensyen KIK yang akan datang dengan inovasi yang tinggi nilainya. Kejayaan akan tercapai dengan kerjasama dan komitmen ahli-ahli kumpulan dan seterusnya mendapat sokongan daripada pihak pengurusan perpustakaan.

Dianggotai oleh 10 orang ahli dan dua orang fasilitator, MUTIARA bermaksud mesra pelanggan, utamakan pelanggan, toleransi, iltizam, akrab, rajin dan amanah. Antara keistimewaan kumpulan ini ialah ahli-ahli telah menghasilkan Model Q yang tidak terdapat dalam dokumen kumpulan lain. Etika kumpulan ialah :

- i. Memberikan perkhidmatan jurnal yang cekap dan mesra kepada pelanggan.
- ii. Berkhidmat dengan penuh dedikasi, amanah dan beriltizam.

- iii. Semangat kerja berkumpulan.
- iv. Mengeratkan perhubungan di antara kakitangan dan pengurusan.

Berbagai ragam dan gaya semasa berkumpul, berbincang, bertekak dan berdialog demi melontarkan idea masing-masing. Berjaya dan kukuhnya sesebuah kumpulan bergantung kepada komitmen ahli, ketuhanan dan keakraban individu dalam kumpulan tersebut. KIK Mutiara dapat menyiapkan projek ini dalam jangka masa yang ditetapkan walaupun mengharungi pelbagai halangan dan cabaran di samping terus berjuang menjalankan tugas harian masing-masing tanpa rasa jemu dan penat. Ahli terpaksa mengorbankan masa sehingga selepas waktu pejabat, Sabtu dan Ahad untuk menyiapkan projek ini.

PTSL-JCP

Uji coba pertama dengan menggunakan CD untuk penyimpanan data dalam perisian Microsoft Access di Fakulti Kejuruteraan tidak berjaya. Maklumbalas daripada pelajar dan ahli akademik pula kurang memberangsangkan. Hal ini telah memaksa KIK Mutiara mencari kaedah yang lebih efektif. Hasil perbincangan dengan Puan Hafizah Suzana, Pegawai Teknologi Maklumat, PTM telah mencadangkan supaya kumpulan menggunakan perisian percuma berasaskan Web iaitu JOOMLA. Projek ini dirombak semula dan dibaiki. Puan Sa'diah Sanad telah bertungkus lumus membangunkan pangkalan data PTSL-JCP ini dengan bantuan Pustakawan BSTM. Perkhidmatan PTSL-JCP telah mula dilaksanakan mulai Julai 2010. Data yang dimuat turun juga telah bertambah setiap hari dan telah mencapai 11 ribu rekod. Pangkalan data ini boleh di capai di <http://ptsl-jcp.ukm.my/jurnal/>. Jumlah pelawat sehingga kini telah mencapai 9,150.

Impak dan faedah yang ketara ialah :

- i. Penggunaan jurnal bercetak meningkat.
- ii. Masalah kesukaran mendapatkan artikel jurnal bercetak dapat diatasi.
- iii. Meningkatkan kepuasan hati pelanggan sejajar dengan matlamat perpustakaan.

Halatuju kumpulan Mutiara untuk penambahbaikan perkhidmatan di kaunter ialah :

- i. Menyediakan perkhidmatan pembekalan artikel jurnal kepada ahli akademik secara elektronik (artikel yang diimbas dari jurnal bercetak).
- ii. Permohonan artikel jurnal akan dihantar melalui emel atau fotokopi.
- iii. Menyediakan artikel jurnal bentuk teks penuh bergantung kepada kelulusan penerbit.
- iv. Proses kerja muat naik data akan dibuat secara berterusan.

Hasil projek ini telah menambahbaik perkhidmatan di kaunter jurnal, di samping memudah dan mempercepatkan proses untuk mendapatkan artikel jurnal bercetak oleh pelanggan perpustakaan.

*Batu Mutiara membawa tuah
Hidup susah bertukar mewah
KIK Mutiara membuka langkah
Kerja yang payah kami permudah*

*Inovasi kami hasilkan inspirasi
Kreativiti kami kebanggaan universiti
PTSL –JCP sumbangan kami
Semoga bakti menjadi motivasi*



Paparan web ptsl-jcp



Penyampaian sijil penghargaan oleh Encik Ab. Aziz Othman

Oleh: Rosmarlidaini Mah Hasan

Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi yang begitu pesat telah mengubah corak pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan daripada tradisi kepada kaedah yang lebih moden. Kesan perubahan ini juga telah menyebabkan kecenderungan yang semakin kurang kepada penggunaan bahan media walaupun terdapat pelbagai bahan media untuk pengajaran yang boleh digunakan pada masa kini seperti audio-video, penggunaan teks dan media elektronik yang lebih menarik (tayangan filem, video dan komputer).

Media menurut Kamus Pelajar Edisi kedua merupakan alat atau perantara dalam komunikasi atau dalam perhubungan. Contoh media termasuklah slaid, video, gambarajah, bahan bercetak dan komputer. Bahan-bahan ini juga dipanggil 'instructional media' di mana ia membawa mesej yang bertujuan untuk memudahkan komunikasi dan meningkatkan pembelajaran. Menurut Ismail (2002), media dalam konteks pengajaran dan pembelajaran berkait rapat dengan komputer dan ICT.

Perpustakaan Tun Seri Lanang telah membangunkan Koleksi Media dan ditempatkan di Bahagian Koleksi Media untuk menyokong aktiviti pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan di UKM. Koleksi ini terdiri dari pada himpunan pelbagai bentuk bahan media iaitu dari koleksi media interaktif seperti CD, DVD, VCD, Video, CD-ROM sehinggalah kepada bahan mikrofilem dan mikrofilm, semuanya tersedia khusus untuk pelanggan. Untuk media interaktif, maklumat yang boleh bukan sahaja bahan fiksiyen, malah terdapat juga bahan yang bersifat akademik dalam pelbagai bidang yang boleh menarik minat pelajar, pengajar dan penyelidik untuk terus menyelusuri ilmu yang terkandung di dalamnya. Berhubung dengan laporan akhbar Berita Harian, Selasa, bertarikh 23 Januari 2007, "Pelajar IPTA masih lemah bahasa Inggeris", Koleksi Media telah mengambil peranan dengan menyediakan pelbagai bahan untuk tujuan pembelajaran bahasa Inggeris di UKM seperti IELTS, TOEFL dan sebagainya. Bahan berbentuk CD ini lebih dapat menarik minat pelajar berbanding dengan pembelajaran secara konvensional iaitu melalui buku sahaja.

Rekod-Rekod Negeri Selat

Selain daripada bahan pembelajaran yang interaktif, Koleksi Media juga ada menyimpan khazanah ilmu, sejarah warisan yang tidak ternilai harganya. Ini dibuktikan dengan wujudnya koleksi bahan mikrofilem Rekod-Rekod Negeri Selat dan Bahan mikrofilm Inter Documentation Company (IDC). Bahan Rekod-Rekod Negeri Selat merupakan fail-fail Pejabat Jajahan British berkaitan dengan British Malaya dari tahun 1809-1946 yang merupakan sumber maklumat mengenai negara ini. Bahan ini diperolehi dari Public Records Office London, United Kingdom. Secara keseluruhannya, ianya mengandungi laporan pentadbiran Negeri-Negeri Selat yang berkaitan dengan sejarah Pulau Pinang, Melaka dan Singapura, meliputi hal-hal jenayah, polis, penjara, kewangan, politik, bandaran, bilangan penduduk, perdagangan, hospital, mahkamah, ketenteraan

dan pembelajaran. Manakala bahan IDC pula adalah projek oleh Inter Documentation Company, pengeluar bahan mikro terbesar di luar Amerika Syarikat (United States of America) yang bertempat di Switzerland. Projek ini mengumpulkan penerbitan-penerbitan di negara-negara tertentu seperti Indonesia, Filipina, Malaysia dan sebagainya dalam bidang sains sosial mengikut tahun-tahun tertentu.

Pedra Branca

Dengan adanya koleksi-koleksi sebegini, tidak hairanlah jika ramai penyelidik menggunakan koleksi yang terdapat di Koleksi Media untuk membantu penyelidikan masing-masing. Misalnya, pada tahun 2007, masyarakat dunia pernah digemparkan dengan isu Pulau Batu Putih (Pedra Branca) yang menjadi rebutan antara Malaysia dan Singapura. Penyelidik dari Jabatan Peguam Negara telah bertungkus lumus dan 'berkampung' di Koleksi Media untuk menyemak rekod-rekod kerajaan Negeri Selat dan mengumpulkan semua bukti yang mengaitkan Malaysia dengan Pulau Batu Putih. Walaupun kemenangan tidak berpihak kepada Malaysia, namun itu bukan persoalannya, tetapi apa yang perlu disebutkan di sini ialah Koleksi Media Perpustakaan Tun Seri Lanang mempunyai dampak besar kepada negara.

Koleksi Akhbar

Satu lagi kekuatan yang menjadikan Koleksi Media merupakan sebuah koleksi penyelidikan yang baik dan lengkap ialah dari segi koleksi akhbar. Koleksi Media mengumpulkan pelbagai akhbar seperti New Straits Times (Julai 1845 - kini), Berita Harian (Julai 1957 - kini), Utusan Malaysia (Februari 1965 - kini), The Malay Mail (Ogos 1909 - Mei 1999), Utusan Melayu (September 1908 - Disember 2000), Business Times (Januari 1991 - Disember 2000) dan Shipping Times (September 1991 - Disember 2000). Selain daripada koleksi akhbar di atas, turut terdapat di Koleksi Media ialah koleksi akhbar terbitan terawal seperti Majlis (1933-1955), Warta Ahad (1935 - 1941), Warta Malaya (1936 - 1940) dan lain-lain lagi. Dengan adanya koleksi akhbar seawal tahun 1845 ini, sememangnya dapat menjadikan Koleksi Media antara koleksi penting yang dapat menyokong aktiviti penyelidikan di UKM. Selain itu, beberapa mesin alat baca dan 'microfilm scanner' juga turut disediakan sebagai kemudahan untuk menyokong penggunaan bahan mikro tersebut di mana penyelidik boleh melihat maklumat yang diperlukan dan boleh menyimpannya dalam bentuk fail komputer atau boleh mencetak terus maklumat yang diperlukan.

Justeru, peranan Koleksi Media sebagai bahan bantu pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan sememangnya tidak dapat dinafikan. Koleksi ini perlu dimanfaatkan oleh para pelajar, pengajar dan penyelidik dalam memenuhi keperluan maklumat mereka. Pihak perpustakaan pula perlu menambahbaik perkhidmatan bahan Koleksi Media ini kerana ianya dapat memberikan kebaikan dan dapat menyokong aktiviti pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan di UKM khususnya dan Negara amnya.

Oleh: Harith Faruqi Sidek

Pengkisahan semula pengalaman saya mengikuti program sarjana bermula dengan tekad mendalami ilmu dalam disiplin pengurusan rekod dan pentadbiran arkib, khususnya arkib universiti. Sekitar Disember 2008, setelah disahkan layak mengikuti pengajian peringkat sarjana ke luar negara, saya mulai “merisik” beberapa universiti luar negara, khususnya, universiti di dalam gugusan United Kingdom, antaranya Northumbria University (Newcastle), Manchester Metropolitan University, John Moores University (Liverpool) serta University of Liverpool. Alhamdulillah saya menerima tawaran tempat pengajian dari setiap universiti berkenaan, namun akhirnya saya tekad memilih University of Liverpool. Saya mendaftar pengajian di LUCAS (Liverpool Centre for Archives Studies), di bawah School of History, University of Liverpool. Bagi pengambilan sesi 2009/2010, hanya terdapat dua orang sahaja pelajar luar negara, saya serta Father Wilson Piyapillay, seorang teman dari wilayah Kerala, India. Father Wilson merupakan seorang Paderi Katolik yang bertugas sebagai Pengarah Arkib Gereja di wilayah Kerala, India. Pengalaman bersahabat dengan Paderi ini juga menarik, mungkin akan saya kisahkan dalam waktu dan kesempatan mendatang. Berbalik kepada kisah di Liverpool, saya menetap di kediaman Universiti, iaitu di Philharmonic Court dengan kadar sewa sebanyak 445 pound sebulan, termasuk air dan Internet. Kediaman ini hanya terletak kira-kira 100 meter sahaja dari tempat pengajian saya dan yang paling membahagiakan ialah, perpustakaan universiti, Sydney Jones Library juga terletak hanya bersebelahan dengan bangunan LUCAS.

Hari pertama mengikuti kelas merupakan pengalaman yang baru bagi saya, sangkaan saya suasana pembelajaran di sini pastinya tidak jauh beza seperti di Malaysia, al-



Bergambar di hadapan The National Archives (TNA)

maklum saja, sistem di Malaysia kebanyakannya adalah warisan Inggeris juga, tetapi saya silap, di sini segalanya harus ada interaksi dua hala, perbincangan dalam kumpulan, persembahan tugas dan tugas kursus yang dinilai seperti tidak mengizinkan kami berasa selesa dan alpa. Selain terkenal dengan tradisi bola sepak yang hebat, Liverpool juga sinonim dengan kumpulan pop The Beatles, maka tidak hairanlah terdapat banyak monumen serta simbol apresiasi masyarakat Liverpool terhadap dua ikon ini, umpamanya muzium, galeri, tugu serta cenderamata. Menjalani kehidupan sebagai seorang muslim tidaklah terlalu mencabar, kerana komuniti muslim di Liverpool



Bergambar kenangan di British Library

agak besar, asimilasi kaum pendatang dari Timur Tengah, Afrika dan Asia cukup untuk menyemarakkan syiar Islam di bumi Liverpool. Bekalan makanan halal mudah diperolehi. Terdapat banyak premis menjual makanan halal, begitu juga dengan makanan lazim di Malaysia, seperti Kicap Bilal, belacan, mee segera, Brahim’s dan banyak lagi, semuanya boleh didapati di Chinatown, dua kedai yang popular ialah Hondo dan Chung Wah. Barangan asasi selainnya boleh didapati di ASDA, iaitu rangkaian pasaraya yang terkenal di UK, barangan asasi di sini memang murah, dengan GBP20, anda sudah boleh memenuhi troli, asalkan mentaliti “kali duit Malaysia” ditinggalkan di KLIA.

Sepertimana kebanyakan pelajar kelamin di Liverpool, kenderaan persendirian adalah satu keperluan, terutama bagi mengharungi musim sejuk. Tidak sampai hati rasanya membiarkan anak-anak digigit kedinginan meredah salji ke sekolah. Urusan jual beli kenderaan di UK amat mudah, di mana-mana anda boleh berurusan, tidak perlu salinan slip gaji tiga bulan terkini dan salinan kad pengenalan serta tidak perlu pinjaman bank. Saya membeli sebuah kenderaan terpakai jenis Ford Mondeo keluaran tahun 1999 dengan harga GBP600, melalui penjual yang ditemui dari laman iklan niaga atas talian, Gumtree. Bila sudah berkereta, perlu ada GPS, atau disebut juga SATNAV (Satellite Navigator). Alhamdulillah, selama hampir 11 bulan saya menggunakan kenderaan ini, ia tidak pernah meragam atau merajuk, sebelum pulang ke tanah air, kenderaan ini saya jual kepada seorang sahabat.

Biasanya kalau ditanya kepada sesiapa sahaja yang pernah bermastautin di UK, ‘car boot sale’ pastinya menjadi agenda tetap hujung minggu, kerana di situ jualan barangan terpakai dengan harga murah boleh didapati. ‘Car boot sale’ memang menjadi hiburan hujung minggu kami sewaktu di Liverpool, anak-anak gembira memiliki mainan berkualiti daripada jenama terkenal dengan harga serendah 20 pence. Si ibu pula memburu peralatan dapur serta elektrik yang masih berfungsi dengan baik, sementara saya lebih suka “beli saja apa yang pelik dan mahal kalau di Malaysia”. Jika anda bernasib baik, sepasang kasut jenama Clarks yang baharu boleh dibeli dengan harga GBP2 hingga GBP5 sahaja. Maka, atas sebab itulah saya sudah ada stok kasut raya untuk 10 tahun akan datang. Baru-baru ini, sewaktu berkunjung ke toko kasut Timberland, saya dapati kasut yang saya beli dengan harga GBP5, sebenarnya bernilai RM599!



Bergambar kenangan bersama teman sepengajian sesi 2009/2010



Bersama teman-teman sewaktu menyaksikan perlawanan bolasepak di Stadium Anfield

Masyarakat asal Liverpool dikenali sebagai “Scouser”, dengan telo percakapan yang berbeza dari kebanyakan penutur tempatan di England. Lazimnya, sebutan perkataan itu adalah sepertimana ejaannya, umpamanya :

Perkataan Inggeris	Sebutan Scouser
Pack	Pak
Girl	Gil
Bus	Bus (seperti Bush)
Lunch	Lunch (seperti Luncai)
Black	Blak
Come here	Kum ya

Perkataan “Thank You” jarang digunakan di sini, sebaliknya digantikan dengan “Cheers” atau “Ta-ra”. Masyarakat tempatan di Liverpool juga amat ramah, malah jika berkomunikasi dengan golongan wanita yang agak veteran, mereka akan menggunakan perkataan “Love”, contohnya “Are you alright Love?” atau “Excuse me, Love”, tapi jangan haraplah ungkapan “love” itu datangnya dari mulut gadis-gadis tinggi lampai pipi merah berhidung mancung. Sementara kaum veteran lelaki gemar menggunakan perkataan “Son”, seperti “you alright, son”, bagi yang sebaya umur atau dalam kumpulan umur yang hampir, perkataan “mate” pasti digunakan, umpamanya “Cheers mate” atau “Excuse me, mate”.

Tempoh pengajian selama 12 bulan telah menyebabkan saya dua kali menyambut Hari Raya Aidilfitri di rantauan, sambutannya sederhana, tetapi amat bermakna. Paling menarik ialah takbir raya, masjid di Liverpool diuruskan oleh masyarakat imigran dari Timur Tengah, lalu amalan sepertimana di Timur Tengah menjadi terapan di Liverpool, khutbahnya dalam Bahasa Arab, begitu juga dengan alunan takbir rayanya yang jauh lari daripada irama takbir yang dilagukan oleh masyarakat Malaysia. Oleh kerana masyarakat Islam yang agak besar, maka solat raya diadakan dalam tiga sesi, jam 9, 10 dan 11 pagi. Kaedah bayaran zakat juga berlainan, jika Malaysia kita sempurnakan akad dengan sang amil yang dilantik majlis agama, tetapi di Liverpool wang zakat sekadar dimasukkan ke dalam kotak atau tong yang telah disediakan oleh pihak pengurusan masjid. Bagi membiayai aktiviti keagamaan dan penyelenggaraan, pihak masjid akan mengadakan kutipan derma ikhlas setiap kali selepas solat Jumaat, maka akan kedengaranlah petugas melaungkan ayat “donation for the mosque, jazakallahu khair” berulang-ulang.

Ber cerita pula tentang musim sejuk di Liverpool, tahun 2010 mencatat detik menarik, kerana salji yang turun

adalah luar biasa lebatnya. Mengikuti pengalaman rakan-rakan yang terdahulu berada di Liverpool, tahun-tahun sebelumnya amat jarang salji turun di Liverpool. Jika ada pun ibarat renyai-renyai sahaja. Salji yang banyak melewati jangkaan pihak berkuasa, lalu masalah penyelenggaraan timbul, seperti keputusan bekalan ‘grit’ (sejenis garam yang ditabur di atas jalan bagi mencairkan salji). Grit inilah juga yang menyebabkan karat di badan kereta jika tidak rajin dicuci, sebab itu kebanyakan kereta yang melewati usia 10 tahun, pasti ada kesan karat di bahagian pelindung tayar atau bawah kereta. Maka bagi mereka yang berniat membawa pulang kereta dari UK, pastikan kereta anda itu bebas karat. Salji ini sebenarnya tidaklah membawa banyak kesukaran, tetapi yang bahayanya bila ia bertukar menjadi ais, ibaratnya anda berjalan di atas lapangan “Ice-Scating”, aksi manusia tergelincir dan jatuh adalah pemandangan biasa, akibatnya masa dua minit dari rumah ke sekolah dalam musim luruh menjadi sekitar 10 minit. Pemanduan kereta juga harus berhati-hati, kerana jika salah pertimbangan menekan brek dan minyak, kereta akan hilang kawalan akibat permukaan jalan yang licin berais.

Tanggal 29 September 2010 merupakan tarikh untuk meninggalkan bumi Liverpool. Jika sewaktu mula-mula berada di Liverpool, rasa rindu pada tanah air seringkali menggamit perasaan, namun bila tiba saat berangkat pulang, sayu juga mahu meninggalkan kehidupan di rantauan, lebih-lebih lagi bila memikirkan banyak perkara yang dirancang belum terlaksana. Pendek kata pengalaman belajar di rantauan memerlukan hati yang cecal dan tabah, mahu tidak mahu segala rintangan dan cabaran yang datang perlu kita redah, sepertimana senikata lagu “You’ll Never Walk Alone”,

When you walk through a storm
Hold your head up high
And don’t be afraid of the dark.

At the end of the storm
There’s a golden sky
And the sweet silver song of a lark.

Lagu inilah yang meniup semangat pasukan Liverpool FC tiap kali berhadapan dengan lawan. Lagu ini juga digunakan sebagai penaik semangat oleh pasukan Celtic FC (Scotland) dan Borussia Dortmund (Jerman). Sekian dahulu catatan saya, InsyaAllah coretan seterusnya pada keluaran akan datang.



Keliatan Otak Mencungkil Idea Kreatif

Oleh: Azhari Sahamir

“Malaslah fikir” “Engkau fikirlah sendiri.” Ungkapan ini seringkali kedengaran daripada kalangan rakan-rakan kita yang sememangnya malas untuk melakukan sesuatu hatta memikirkan idea menongkah arus ke arah perubahan. Masalah ini sering juga dikaitkan dengan ketandusan ilham apatah lagi idea yang kreatif. Semua manusia yang berakal memiliki idea tidak kira tua muda, kanak-kanak mahupun dewasa. Tahukah anda bahawa dengan mula berfikir, sedikit sebanyak idea akan muncul bak cendawan yang segar selepas hujan? Berfikir secara kreatif tidak mungkin berlaku secara sewenang-wenangnya dan sembarangan. Kita perlu menjana sesuatu terlebih dahulu untuk mendapatkan idea kreatif ini. Lupakan seketika bahan bacaan seperti buku yang sememangnya kurang digemari oleh rakyat Malaysia untuk mencari idea.

Beberapa tips untuk mewujudkan idea kreatif:

1. Emosi

Kita hendaklah ceria dan tenang menghadapi setiap permasalahan. Sifat seronok untuk melakukan sesuatu amat perlu terutama sekali perkara yang kita gemari. Idea akan terbantut dan gagal apabila emosi dan perasaan terganggu. Faktor psikologi dalam diri kita mesti dikawal terlebih dahulu demi memastikan idea tidak berkecamuk dan bercelaru.

2. Fikir di luar kotak

‘Kotak’ di sini bermaksud kebiasaan yang kita buat atau lihat. Jika mahukan perubahan, kita perlu melonjak keluar daripada kebiasaan perkara yang kita lakukan. Perbaiki idea sedia ada, lakukan ‘futuristic thinking’ dan cuba lari dari ‘kotak’ pemikiran lama. Perkara yang lazimnya tiada kaitan dan tidak diberikan tumpuan haruslah mula kita selami dan utamakan.

3. Hiburan

Anda gemar bermain teka-teki, teka silangkata mahupun Sudoku? Kesukaran mencari jawapan akan sentiasa membuatkan kita berfikir di segenap pelusuk otak untuk menyelesaikan masalah. Jika jawapan dapat diselesaikan, sudah tentu otak akan merasa puas dan dahagakan soalan seterusnya untuk diterokai. Dengan kelancaran enjin otak kita yang sentiasa dijanakan, sudah tentu idea kreatif mudah menerjah.

4. Pengalaman

Pengalaman sentiasa mengajar kita kesilapan dan kelemahan. Setiap pengalaman yang dilalui sudah tentu akan menambah nilai pengetahuan dan menambah baik kemahiran kita. Kesilapan dapat diperbaiki dan kelemahan dapat diatasi dari semasa ke semasa. Ringankan mulut untuk bertanya ketika bertemu dengan orang, pelanggan, mahupun musuh. Dengan pengalaman dan pertanyaan, terbitan idea dari akal fikiran pasti kunjung tiba.

5. Peka terhadap alam sekeliling

Di dalam Al-Quran, terdapat seruan Allah kepada manusia agar sentiasa memerhati dan mengkaji segala bentuk makhluk yang wujud di alam ini. Manusia harus memahami alam-alam lain seperti alam haiwan, tumbuh-tumbuhan dan alam Ghaib (Syurga, Neraka, Alam Kubur). Mengapakah ia wujud, sebab apa dan untuk siapa? InsyaAllah jika kita menenangkan fikiran kita dan berfikir tentang kejadian alam ciptaan Tuhan, curahan idea pasti menjelma.

Banyak berfikir, banyaklah idea akan datang. Usah biarkan fikiran kita terikut-ikut dengan rentak semasa dan biarkan waktu berlalu. Idea yang kreatif akan memberi manfaat kepada diri dan masyarakat sekeliling. Jangan biarkan negara lain yang maju terus maju, dan kita terus berdiam diri dan berada di takuk lama. Bak kata penceramah bebas, Profesor Madya Md Izuddin Ali, ‘renung-renungkan dan selamat beramal’.



Gambarajah fungsi otak

Sumber: seahatsampaitua.blogspot.com

MUTIARA KATA

"Jika kamu berhasrat untuk berjaya, jangan hanya memandang ke tangga tetapi belajarlah untuk menaiki tangga tersebut!"

Oleh: Hayatul-Azlah Ghazali

Agak menyedihkan ketika memandu di kawasan kampus UKM. Warga UKM tidak kira pelajar, pemandu bas, kakitangan malah orang awam yang memasuki kampus ini seolah-olah tidak tahu undang-undang jalan raya, bersikap tidak beretika dan juga mengamalkan sikap pentingkan diri ketika memandu. Rata-rata pelajar melupakan tatacara lalulintas yang diajar sejak di bangku sekolah. Amalan melintas jalan raya melalui hadapan bas dan bukan dari belakang bas, boleh mengakibatkan kemalangan.

Ada juga segelintir pelajar yang menggunakan “zebra crossing” tetapi tidak mengetahui kaedah sebenar penggunaannya. Mereka sewenang-wenangnya melintas tanpa mengetahui syarat-syarat ketika berada di “zebra crossing”. Mereka seharusnya mengetahui jarak dan keadaan sesuatu kenderaan yang meluncur sebelum menyeberangi jalan. Anggapan mereka mempunyai hak penuh ketika melintas pada “zebra crossing” adalah tidak wajar dan boleh membahayakan keselamatan diri.

Sementara menanti pintu Perpustakaan dibuka dalam kegelapan pagi, sedikit sebanyak dapat menyaksikan betapa sikap tidak mematuhi arahan papan tanda “No entry” dan “Jalan Sehalu” serta tanda isyarat “masuk” ke perkarangan Perpustakaan dan sekitarnya, sering dilakukan oleh segelintir warga kampus dan orang ramai yang lalu di sini. Mungkin nasib sering menyebelahi mereka dan tidak mengalami kemalangan mengakibatkan sikap mengabaikan arahan papan tanda menjadi amalan mereka.

Kenderaan yang diletakkan di tempat yang tidak dibenarkan boleh menjadi punca kemalangan di kampus. Kenderaan yang diletakkan di susur laluan bulatan berhadapan Fakulti Pengajian Islam serta berhadapan Pusanika akan menghalang penglihatan pemandu yang hendak menyusur keluar.

Perkarangan Perpustakaan juga tidak lari daripada pemandangan ini. Pelajar-pelajar sambil lewa meletakkan kenderaan hampir di tengah-tengah laluan awam. Kekurangan parkir ekoran pertambahan pemilikan kenderaan tidak dinafikan menjadi punca kepada permasalahan ini.


Kawasan kampus yang luas dan terpencil tanpa disertai dengan kemudahan pencahayaan yang sesuai di kiri kanan jalan juga mengundang bahaya. Ini dikukuhkan lagi dengan adanya aktiviti pembinaan yang hampir kesemuanya dilakukan oleh pekerja asing.

Keselamatan kampus UKM perlu diberi perhatian bagi mewujudkan suasana warga yang aman, ceria dan selamat. Beberapa saranan atau cadangan yang mungkin dapat membantu memelihara keselamatan kampus UKM iaitu :

- i. Mengadakan kempen keselamatan jalan raya seperti kempen “Pemanduan Selamat di Kampus” bagi memupuk sikap perikemanusiaan dan keprihatinan setiap warga UKM. Perkara yang perlu ditekankan di sini ialah had kelajuan apabila memandu di kawasan kampus (40 km/s), patuhi arahan tanda henti, laluan sehalu, “No Entry”, arahan laluan pejalan kaki dan kawasan “blind intersection”, arahan larangan meletakkan kenderaan di tempat yang tidak dibenarkan dan seumpamanya.
- ii. Membina jejantas bagi kemudahan warga kampus menyeberangi jalan.
- iii. Mengenalpasti pemandu-pemandu bas dan juga teksi yang masuk ke kampus (pemandu yang berdaftar).
- iv. Memberi latihan dan kursus kepada pengawal keselamatan. Lawatan penandaarasan ke kampus-kampus luar dan dalam negara juga perlu bagi memupuk semangat dan prestasi para pengawal.
- v. Bantuan pasukan trafik Polis Diraja Malaysia (PDRM) atau pengawal keselamatan UKM bertugas mengawal laluan trafik di dalam dan di luar kampus terutama pada bulan Ramadhan dan konvokesyen.
- vi. Kemudahan yang sesuai untuk kegunaan warga UKM ketika kecemasan perlu diadakan seperti peti panggilan kecemasan (SOS) di tepi-tepi jalan di kampus, CCTV yang dikenalpasi tempat pemasangannya di sekitar kampus dan alat-alat teknologi yang seumpamanya.

Gelagat dan sikap yang dilihat saban hari ini secara tidak langsung dapat memberi kesedaran dalam diri. Terlintas di hati bahawa diri ini juga pernah melakukan kesalahan yang sama, kononnya untuk menjimatkan masa agar dapat ke destinasi dengan segera tanpa memikirkan kesan buruk yang bakal terjadi. Justeru, tersemat satu janji dalam diri ini untuk tidak melakukan lagi kesalahan lalulintas. Rasa sayang dan prihatin kepada kampus UKM juga perlu disemai dalam diri setiap warga UKM yang rata-ratanya menimba ilmu dan mencari rezeki di sini.

“Warga Beringat, Kampus Selamat”





Motivasi dalam Perkhidmatan Awam

Oleh: Jamain Manap

Banyak sekali keluhan yang kita dengar dari mulut-mulut rakan sekerja kita, “banyaknya kerja, bila nak habis ni?” ataupun “ala kerja ni belum habis lagi tapi dah bagi kerja lain pulak!” Memang itulah rutin kita sebagai pekerja. Adakalanya kerja kita tidaklah berat sangat, namun ada masanya kerja menimbun sehingga kalau kerja tujuh hari seminggu pun belum tentu dapat selesaikan kesemuanya. Setiap hari kerja tidak akan habis. Kalau habis kerja maknanya produktiviti akan terhenti dan negara akan berhenti dari terus maju.

Hakikat sebagai seorang pekerja perlu berhadapan dengan pelbagai tugas yang kita tidak pasti bagaimana bentuk tugasannya lagi. Ini baru kerja dari organisasi, tidak termasuk lagi dengan kerja sebagai seorang ibu, ayah, suami, isteri ataupun mungkin sebagai seorang anak. Tugas sampingan yang wajib juga kita laksanakan walaupun kerja di pejabat begitu menyeksakan kehidupan kita.

Tapi jika kita teliti, sesukar manapun kerja yang dilakukan sebenarnya masih berkemampuan melakukannya. Ini menunjukkan bahawa walaupun melakukan kerja dalam kerja, tetapi itu semua memberikan ruang untuk menilai diri sendiri. Keluhan-keluhan yang kita dengar hanyalah keluhan, namun dari sudut tugas kita masih berjaya melakukannya. Lambat atau cepat itu bergantung pada diri sendiri. Sebagai kakitangan awam kita perlu memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan.

“If we do more than we paid for, we will be paid with more than what we do” (Zig Ziglar merupakan penulis dari The United States of America). Apabila kita melakukan sesuatu lebih dari tahap yang diharapkan, lebih dari yang orang sangkakan, maka kita akan menerima ganjaran lebih banyak dari yang sepatutnya kita dapat di masa akan datang. Syaratnya, berilah tanpa pernah mengharap untuk dibalas.

Berbuat baiklah tanpa pernah mengharap balasan, sekadar hanya mahu banyakkannya memberi pertolongan, idea, buah fikiran, kewangan, sumbangan tenaga, dan ilmu. Apabila kita mengerjakan sesuatu tugas lebih dari jumlah gaji yang dibayar pada kita, satu masa nanti pasti kita akan menerima pulangan lebih banyak dari gaji asal yang sepatutnya kita terima.

Bekerjalah dengan keseronokan kerana segala masalah yang sukar akan menjadi mudah. Semoga kita dapat memberikan yang terbaik untuk organisasi dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan.

Kenali Koleksi Khas Di Perpustakaan Anda

Oleh: Azmah Ishak

Koleksi Khas merupakan koleksi yang unik bagi sesebuah perpustakaan. Kebanyakan perpustakaan mempunyai Koleksi Khas dengan kandungan bahan yang berbeza. Ianya mungkin terdiri daripada bahan bercetak, media, artifak dan lain-lain yang sangat unik. Sebagai sebuah perpustakaan penyelidikan, Koleksi Khas ini juga menjadi penting untuk tujuan penyelidikan dan rujukan. Jadi, adakah anda telah mengenali Koleksi Khas di Perpustakaan Tun Seri Lanang (PTSL)?

Koleksi Khas di PTSL mengandungi buku-buku Nadir, manuskrip, bahan habis cetak, penerbitan klasik dan buku-buku berharga mahal. Khazanah ilmu dan sumber maklumat yang tersimpan dalam koleksi ini adalah sebahagian daripada koleksi penyelidikan perpustakaan yang penting dan bernilai tinggi.

Buku Nadir merupakan bahan habis cetak yang bernilai tinggi dan bahan yang diterbitkan sebelum tahun 1950. Bahan-bahan yang sukar didapati ini adalah dalam pelbagai bahasa seperti Bahasa Melayu, Arab, Inggeris, Belanda, Perancis dan Jerman. Bahan tertua dalam koleksi ini berjudul Taising Oder Sina yang menceritakan pengembaraan Belanda di Empayar China yang ditulis oleh Joan Van Karpen dalam bahasa Jerman pada tahun 1676. Koleksi Buku Nadir merangkumi bidang seperti Agama Islam, Antropologi Dan Sosiologi, Bahasa, Ekonomi, Kesusasteraan, Pendidikan Sejarah dan Undang-Undang. Manuskrip merupakan naskhah tulisan tangan peninggalan masa lalu yang menjadi kajian filologi. Di PTSL, koleksi ini menghimpunkan manuskrip Melayu dan manuskrip Arab. Sebahagian besar manuskrip Melayu terdiri daripada manuskrip naskhah Aceh yang berkaitan dengan Kesultanan dan Pemerintahan Aceh. Manuskrip Arab pula merangkumi kitab fiqah, tauhid dan perundangan termasuklah Al-Quran tulis tangan.

Koleksi yang unik dan merupakan koleksi khas pertama diperolehi oleh Perpustakaan pada tahun 1972 ialah Koleksi Schacht. Ianya dikenali sempena nama pemilik asal koleksi ini iaitu Prof. Joseph Schacht (1920-1969). Beliau adalah seorang orientalis bangsa Jerman. Koleksi ini menghimpunkan bahan-bahan dalam bidang pengajian sejarah Arab dan tamadun Islam, termasuk kitab-kitab dalam bahasa Arab serta buku-buku dalam Bahasa Inggeris, Perancis, Jerman yang berkaitan dengan falsafah, perundangan dan sejarah Islam.

MUTIARA KATA

“Mengetahui sesuatu dan memahami segala sesuatu adalah lebih baik daripada mengetahui segala sesuatu, tetapi tidak memahami sesuatu.”



Peserta lawatan di InfoLib BERNAMA



Pemenang bergambar bersama Ketua Perpustakaan
ATMA

Oleh: Nor Asiah Mohamad

Perpustakaan ATMA (PATMA) telah menganjurkan lawatan penandaarasan ke Pusat Maklumat dan Perpustakaan (InfoLib) Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA), Kuala Lumpur pada 19 Oktober 2010. Objektif lawatan ini diadakan untuk membuat penandaarasan mengenai perkhidmatan dan kemudahan yang terdapat di perpustakaan. Di samping itu, ia juga bertujuan membina hubungan baik antara organisasi dan mengenalpasti contoh-contoh budaya kerja terbaik yang diperolehi sepanjang sesi dijalankan.

Peserta lawatan terdiri daripada lima orang pustakawan dan 19 kakitangan perpustakaan dari PATMA, PTSL dan PPPUKM. Lawatan dimulai dengan sesi taklimat ringkas oleh Pn. Hasnita bt. Ibrahim tentang perkhidmatan utama Infolib iaitu menerusi laman web Bernama Library & Infolink Service (BLIS), seterusnya sesi penerangan cara kerja oleh kakitangan Pusat Maklumat dan Perpustakaan (InfoLib) BERNAMA.



Sesi taklimat ringkas oleh Puan Hasnita Ibrahim

Oleh:Nor Asiah Mohamad

Sempena Kempen Membaca 2010, Perpustakaan UKM mengadakan Program Hari Bersama Pelanggan (HBP) sebagai salah satu usaha untuk mendekati pelanggan bagi mendapatkan maklumbalas dan cadangan untuk penambahbaikan perpustakaan dari segi perkhidmatan. Hari Bersama Pelanggan di PATMA telah berlangsung pada 6 Oktober 2010 dari jam 9.00 pagi hingga 4.30 petang.

Pegawai dan kakitangan dipertanggungjawabkan menjaga kaunter HBP bagi mengedarkan borang pertanyaan kepada pelanggan perpustakaan, menjawab pelbagai pertanyaan, menerima cadangan serta komen pelanggan. Mengikut statistik, seramai 46 orang pelanggan telah mengunjungi kaunter HBP PATMA.

Menariknya tahun ini, HBP berkonsep santai dengan menyediakan minuman dan makanan ringan untuk pengunjung. Acara kuiz turut mendapat sambutan yang baik iaitu sebanyak 51 penyertaan diterima. Lima soalan berkaitan perkhidmatan perpustakaan dikemukakan dalam borang kuiz kepada pelanggan dan mereka juga dikehendaki melengkapkan slogan untuk menyertai kuiz ini. Seramai 10 pemenang dipilih berdasarkan jawapan yang betul dan slogan yang menarik. Pemenang kuiz HBP PATMA 2010 telah memenangi sebuah hamper setiap seorang.

Pemenangnya adalah seperti berikut:

1. Mohd Tarmizi Hasrah (P52095)
2. Mohd Zul Adli (A122973)
3. Suhaini Md.Noar (K016659)
4. Metsra Wirman (P47295)
5. Anuar Ahmad Mohd Taqi (K03848)
6. Arzat Kharimi Zulkapli (A123868)
7. Tan Raa Han (K018127)
8. Mohd Ridzuan Rashid (A125067)
9. Nurul Huda Ab. Ghani (A124849)
10. Norshahirah Alwi (A125830)




Program Pengukuhan Kerja Berpasukan Tingkat Semangat Kerja Berpasukan Kakitangan Perpustakaan

Platform pemantapan 'Legal Search Skill' di kalangan pengguna Perpustakaan Undang-Undang



Antara aktiviti yang diadakan



Pangkalan Data Lexis Nexis

Oleh: Azlan Mohamad Hamzah

Oleh: Norliah Sukarno

Konsep kerja berpasukan telah lama diketahui oleh kakitangan sesebuah organisasi. Secara amnya, konsep ini dapat memberi faedah dan kesan yang baik kepada prestasi individu dan organisasi. Dalam dunia pengurusan moden dan korporat, sebanyak 80 peratus syarikat yang tersenarai dalam Fortune 500 menggunakan konsep kerja berpasukan antaranya Toyota dan FedEx. Kajian menunjukkan kerja berpasukan dapat membantu organisasi memaksimumkan bakat dan kemahiran kakitangan bagi meningkatkan prestasi mereka.

Sejajar dengan itu, Perpustakaan PPUKM telah mengadakan sanggar kerja yang berorientasikan Pengukuhan Kerja Berpasukan. Program tersebut diadakan di Cherating, Pahang pada 3-4 Julai 2010 dan disertai oleh semua kakitangan Perpustakaan PPUKM.

Objektif program ini bagi membentuk semangat kerja berpasukan serta mengeratkan hubungan silaturahim di dalam organisasi antara semua kategori jawatan. Disamping itu, ia juga dapat melatih kakitangan untuk menghadapi segala cabaran, menangani kerenah pelanggan dan mengatasi stress.

Pelbagai aktiviti pengukuhan kerja berpasukan diadakan iaitu bagi acara luar antaranya Cari Harta Karun, Si Buta dan Arahan Berhalangan, Tali Terpanjang, Lari Berhalangan dan Bina Istana pasir. Manakala bagi acara dalam dewan ialah Ice Breaking, Mesej Bahasa Isyarat dan Ringan Sama Dijinjing.

Secara keseluruhannya, aktiviti-aktiviti yang dijalankan memberi pelbagai faedah dari segi sikap, minat, disiplin, motivasi, daya inovasi dan kreativiti serta membentuk kerjasama dikalangan kakitangan Perpustakaan bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan. Disamping itu, ia dapat melahirkan kakitangan yang positif dan mempunyai semangat bekerja bersama-sama bagi mencapai matlamat dan misi perpustakaan.

Metodologi penyelidikan undang-undang merujuk kepada proses mengenalpasti dan mendapatkan maklumat bagi menyokong sesuatu keputusan perundangan. Peningkatan keupayaan pelajar dan pengamal undang-undang untuk mengesan sumber utama dan sumber sekunder bahan undang-undang sentiasa diberikan perhatian oleh pentadbiran Perpustakaan Undang-Undang (PUU). Selaras dengan sumbang saran Fakulti Undang-Undang dan pengguna PUU sendiri yang mahukan pelbagai aktiviti diadakan, bagi meningkatkan tahap kemahiran 'legal research' di kalangan mahasiswa Fakulti Undang-Undang, maka tercetuslah idea untuk mengadakan Minggu Pangkalan Data Undang-Undang 2010.

Minggu Pangkalan Data Undang-Undang 2010 berlangsung selama 5 hari, bermula pada 4 Oktober dan berakhir pada 8 Oktober 2010. Bagi menjayakan program ini semua pembekal pangkalan data telah dijemput bersama. Antara aktiviti yang diadakan ialah sesi tunjuk ajar oleh pembekal, kuiz, soal jawab berkenaan pangkalan data dan juga jualan buku undang-undang. Pengunjung Perpustakaan berpeluang bertanyakan soalan lanjut berkenaan kaedah pencarian bagi pangkalan data undang-undang dan juga mengutarakan masalah yang dihadapi semasa mengakses pangkalan data terbabit. Pangkalan data yang terlibat ialah Lexis Nexis Total Research, Westlaw, Oxford Law Report, Heinonline, CLJ Law dan Legaltrac. Pihak pembekal telah bermurah hati menyediakan sendiri hadiah kuiz bagi pangkalan data mereka. Hadiah utama turut disediakan oleh urusetia Minggu Pangkalan Data Undang-Undang 2010. Bagi memenangi hadiah utama pengguna perpustakaan dikehendaki mengumpul token yang disediakan oleh pembekal sepanjang Minggu Pangkalan Data Undang-Undang berlangsung dan menjawab soalan yang disediakan oleh urusetia.

Berdasarkan maklum balas positif yang diterima daripada pembekal dan pengunjung, secara keseluruhannya matlamat penganjuran Minggu Pangkalan Data Undang-Undang 2010 telah pun tercapai. Penganjurannya akan diteruskan lagi pada masa akan datang. InsyaAllah.



Hari Bersama Pelanggan



Pustakawan PDAL melayani pertanyaan daripada pelanggan

Oleh : Lailawati Majid

Perpustakaan Dr. Abdul Latiff (PDAL) telah mengadakan program Hari Bersama Pelanggan pada 5 Oktober 2010. Program ini diadakan bertujuan mewujudkan budaya mesra pelanggan ke arah peningkatan imej perpustakaan. Di samping itu juga, ia memberi peluang kepada pelanggan untuk mengetahui maklumat terkini mengenai perkhidmatan perpustakaan dan kemudahan yang disediakan serta mengemukakan pertanyaan, cadangan dan aduan kepada Perpustakaan.

Program yang berlangsung selama sehari ini mendapat kunjungan seramai 103 pelanggan. Acara kuiz mengenai perkhidmatan perpustakaan serta potongan harga 50% kepada pelanggan yang lewat memulangkan buku juga telah diadakan. Seramai 10 orang pemenang kuiz telah dipilih berdasarkan jawapan yang tepat serta slogan yang menarik. Antara pemenangnya ialah :

1. Siti Nur Akera binti Alias (A127636)
"Membentuk Minda Mahasiswa Tanpa Sempadan"
2. Law Jia Xiau (A117797)
"Penjana Ilmu dan Pembangunan Minda"
3. Ahmad Fakhzan bin Alias (A131587)
"Perpustakaan UKM Wadah Transformasi Pelajar"

Pemenang Saguhati :-

1. Dr. Salina binti A. Aziz (P57829)
"Gedung Ilmu Menjana Generasi Gemilang"
2. Nurafida Bt. Mohd Haari (A132268)
"Perpustakaan UKM Syurga Ilmu Pelajar"
3. Nurhazifah Mohd Shukot (A131841)
"Sumber Ilmu Mencetus Mahasiswa Gemilang"
4. Lim Pei Wen (A117308)
"Gudang Ilmu Penjana Insan Cemerlang"
5. Ng Yun Foong (A131869)
"Heaven of Resources and Services"

Kursus Endnote Dan Kemahiran Maklumat Elektronik

Oleh : Lailawati Majid

Kursus EndNote dan Kemahiran Maklumat Elektronik telah diadakan pada 20 Disember 2010 bertempat di Makmal Digital, Perpustakaan Dr. Abdul Latiff. Objektif utama kursus ini diadakan untuk :

1. Memberi kefahaman dan pengetahuan secara professional tentang kepentingan EndNote serta maklumat elektronik perpustakaan yang terkini.
2. Memantapkan kefahaman kemahiran maklumat elektronik kepada kakitangan agar dapat memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan.
3. Meningkatkan pengurusan perkhidmatan maklumat dan kemudahan perpustakaan bagi keperluan pelanggan.

Para peserta terdiri daripada semua kakitangan Perpustakaan Dr. Abdul Latiff. Pihak Perpustakaan telah menjemput wakil dari Perpustakaan Tun Seri Lanang iaitu Pn. Norbaizura Malek sebagai penceramah dan dibantu oleh Pn. Lela Ruzma Mohd Shaari serta Pn. Wan A'sah Wan Abdul Aziz.

Kursus sehari ini telah berjaya memberi pendedahan kepada para peserta mengenai penggunaan perisian EndNote dan kepentingan maklumat elektronik. Para peserta juga menyatakan kepuasan terhadap maklumat dan ilmu yang telah di sampaikan oleh penceramah. Terima kasih daun keladi, tahun depan datanglah lagi.





Lawatan Ke UiTM, Shah Alam



Sesi taklimat oleh Puan Noor Aziah Abdullah



"Jadikan keyakinan sebagai pegangan hidup, dorongan sebagai teman setia, putus asa dijadikan musuh durjana, dan jadikan tekun dan usaha sebagai tangga kejayaan!"

Oleh : Lailawati Majid

Pada 22 Disember 2010, Perpustakaan Dr. Abdul Latiff (PDAL) telah mengadakan lawatan penandaarasan ke Perpustakaan Tun Abdul Razak 1, UiTM, Shah Alam. Objektif lawatan ini untuk memberi peluang kepada kakitangan meninjau dengan lebih dekat perkembangan perpustakaan, bertukar pandangan dan berkongsi pengetahuan dengan rakan sejawat serta mengeratkan hubungan silaturahim.

Peserta lawatan diketuai oleh Pn. Faizah Mohd Zain serta 13 orang kakitangan sokongan. Lawatan dimulai dengan sesi taklimat oleh En. Noor Hidayat Adnan (Timbalan Ketua Pustakawan Kanan), Pn. Noor Aziah Abdullah (Timbalan Ketua Pustakawan Kanan) serta Pn. Eza Eliana A. Wahid (Pustakawan). En. Noor Hidayat telah menerangkan serba ringkas mengenai kejayaan demi kejayaan Kumpulan Inovatif Kreatif (KIK) Perpustakaan Tun Abdul Razak sehingga ke peringkat antarabangsa. Manakala Pn. Aziah serta Pn. Eza telah membawa kami melawat persekitaran perpustakaan.

Lawatan ini amat bermakna kepada kami kerana dapat memberi pendedahan serta mengenal pasti amalan terbaik yang dilaksanakan oleh Perpustakaan Tun Abdul Razak 1. Semoga lawatan yang mendatang akan mencetuskan idea serta aspirasi kakitangan PDAL dengan memberi perkhidmatan dan mutu kerja yang terbaik.

MUTIARA KATA

"Seandainya kita tidak dapat menjadi garam yang dapat menahan daging daripada busuk, janganlah kita menjadi langau yang membusukkan daging!"



KKSP dan Perpustakaan

Oleh: Asmany Aza Ahmad

Kelab Kebajikan dan Sukan Perpustakaan UKM (KKSP) ditubuhkan dengan matlamat yang satu iaitu membina masyarakat yang maju dan dinamis, selaras dengan kehendak ahli KKSP. Objektif-objektif yang didokong oleh KKSP adalah meningkatkan ukhuwah dan persefahaman di kalangan kakitangan perpustakaan dengan mengadakan pelbagai aktiviti berasaskan rohani dan jasmani; menjaga kebajikan kakitangan perpustakaan dengan menghulurkan bantuan samada tenaga atau wang ringgit bagi yang memerlukan; melahirkan kakitangan perpustakaan yang kuat dan sihat melalui aktiviti sukan dan seterusnya mampu menjalankan tugas yang diamanahkan dengan sempurna.

Peranan KKSP boleh dilihat terutamanya dalam hal kebajikan kakitangan. KKSP berkongsi suka duka ahlinya dengan menyalurkan sumbangan dan bantuan. Bagi berkongsi rasa sukacita, KKSP memberikan cenderahati kepada ahli yang baru melahirkan cahayamata dan ahli yang baru melangkah ke alam perkahwinan. KKSP juga turut berkongsi kedukaan ahli dengan menghulurkan sumbangan kewangan kepada ahli yang uzur dan dimasukkan ke hospital, ahli atau ahli keluarga terdekat yang meninggal dunia serta bantuan-bantuan lain seperti kemalangan, kebakaran, kecurian dan bencana alam.

KKSP juga bertanggungjawab membantu pihak pengurusan perpustakaan menguruskan perkara-perkara sosial untuk kakitangan perpustakaan seperti Jamuan Hari Raya, Jamuan Mengenang Jasa untuk pesara dan Hari Keluarga.

Bantuan kewangan kepada ahli yang memerlukan turut disediakan oleh KKSP. Ahli boleh membuat pinjaman maksimum RM200.00 bagi sekali pinjaman dalam tempoh empat bulan bayaran balik (berturut-turut). Walau bagaimanapun KKSP mengalu-alukan bayaran balik yang lebih daripada jumlah bulanan yang ditetapkan.

Ahli KKSP adalah terdiri daripada warga Perpustakaan UKM dan Ketua Pustakawan sebagai Penaung. Jawatankuasa KKSP dipilih oleh ahli KKSP secara undian dan dilantik dalam Mesyuarat Agong yang diadakan setiap dua tahun sekali. Ahli Jawatankuasa KKSP terdiri



Aktiviti *Jumble Sale* di Dataran PTSL

daripada Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha, Penolong Setiausaha, Bendahari, Penolong Bendahari dan tujuh orang ahli Jawatankuasa lain yang mewakili setiap biro. Biro-biro yang terdapat dalam ahli jawatankuasa KKSP adalah Biro Kebajikan dan Kemasyarakatan, Biro Dakwah dan Kerohanian, Biro Ekonomi, Biro Pendidikan dan ICT serta Biro Sukan dan Rekreasi. Setiap biro akan menjalankan aktiviti untuk semua ahli sepanjang mereka dilantik selama dua tahun.



Antara aktiviti atau program yang telah dijalankan adalah *Jumble Sale* yang dikelolakan oleh Biro Ekonomi. Perarakan Maulidur Rasul Peringkat UKM, Majlis Iftar dan Solat Tarawih Berjemaah Bersama Anak-Anak Yatim Darul Hikmah dan juga program-program keagamaan di sepanjang bulan Ramadhan telah dikendalikan oleh Biro Dakwah dan Kerohanian.

Selain itu, Biro Kebajikan dan Kemasyarakatan telah menjalankan program kemasyarakatan iaitu Program Gotong Royong Membersih dan Mengemas Surau Pelajar dan Kakitangan PTSL. Di samping itu, pada setiap hujung minggu, surau tersebut turut dikemas oleh ahli jawatankuasa biro dengan menghantar telekung, kain pelikat dan sejadah ke dobi untuk dibersihkan. Biro juga telah menjalankan Program Kemasyarakatan Bersama Qariah Madrasah Ehsaniah, Batu 5, Bangi. Program ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada kakitangan perpustakaan.

Beberapa aktiviti sukan telah dikendalikan oleh Biro Sukan dan Rekreasi untuk warga perpustakaan. Antara aktiviti sukan yang telah dijalankan sepanjang tahun 2010 ini ialah kejohanan ping pong, futsal dan tenpin bowling. Selain itu, pasukan futsal perpustakaan telah mengadakan beberapa siri perlawanan persahabatan futsal dengan jabatan di dalam dan luar UKM.

KKSP akan terus bergerak aktif dengan adanya sokongan daripada warga Perpustakaan UKM terhadap aktiviti atau program yang dikendalikan. KKSP merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli yang telah memberi kepercayaan, kerjasama dan sokongan padu kepada barisan kepimpinan yang dilantik untuk terus menjalankan aktiviti KKSP pada masa akan datang.





Oleh : Hendon Abdullah
 Tajuk : Seteguh Tekad
 Pengarang : Profesor Dr. Sidek Baba
 Penerbit : Alaf 21 Sdn. Bhd.
 Tahun : 2010
 ISBN : 978-983-124-302-2
 Mukasurat : 320 m/s
 No. Panggilan : PL5106.A3S535 kat

Kepahitan sebelum menemui kejayaan menjadi nadi kehidupan ramai tokoh dunia. Autobiografi Prof. Dr. Sidek Baba, salah seorang tokoh dunia Islam di negara ini telah berjaya membuktikan tiada yang mustahil bila impian dihadapi dengan usaha yang gigih dan istiqamah. Autobiografi tulisannya begitu bersahaja dan mudah difahami, bahkan pembaca terasa seolah-olah berada di situasi dan zaman yang sama dengan penulis.

Menelusuri kehidupan tokoh pendidik ini, dugaan datang dalam pelbagai rupa dalam setiap catatan kehidupannya, bermula di zaman kanak-kanaknya, ketika menyambung pelajaran di luar negara dan ketika menempuh alam pekerjaan, penglibatan dalam ABIM, termasuklah bagaimana beliau menjadi tahanan ISA. Penulis, dengan kemas dapat mengungkap setiap detik sukarnya dengan tidak melupakan nama insan-insan yang menjadi pemangkin kepada kejayaannya hari ini.

Menghayati jejak kehidupan tokoh berjiwa besar ini boleh menjadi pendorong kepada pembaca, mengutip pengajaran dan semangatnya agar dapat menjadi iktibar dalam kehidupan setiap pembaca. Ilmu sahaja tidak cukup untuk menjadi insan, jadi perlu ada agama sebagai pelengkap pertimbangan akal kita yang terhad. justeru selami iltizam dalam SETEGUH TEKAD dan ambil nafas perjuangannya sebagai peringatan kepada diri sendiri.

Oleh : Jamain Manap
 Tajuk : Law of Attraction : Hukum Tarikan
 Pengarang : Michael J. losier
 Penerbit : PTS Pub. Sdn. Bhd.
 Tahun : 2008
 ISBN : 978-983-3586-03-5
 Mukasurat : 192 m/s
 No. Panggilan : BF637.S4L67154 am

Sekali imbas buku ini seakan biasa sahaja, namun setelah diteliti dan diamati amatlah ‘berkuasa’. Rahsia Hukum Tarikan atau “The Law of Attraction” sememangnya ‘sunnatullah’ yang sudah lama dijelaskan di dalam Al-Quran dan hadis Nabi Muhammad SAW. Ia membantu untuk terus mengembara dalam hidup lebih mudah, semakin dekat dengan impian dan matlamat serta sedar segala kejayaan itu datangnya kerana Allah SWT.

Pernahkah anda berada di tempat orang yang sedang bergembira dan anda juga dapat merasakan perasaan kegembiraan? Begitu juga apabila anda berada di dalam kumpulan yang sedang bersedih, tiba-tiba jiwa anda diruntun kesayuan dan merasakan suasana emosi tersebut? Semuanya ada di dalam buku ini.

Penulis merungkai segenap aspek kehidupan dimana apa yang kita fikirkan itulah yang akan berlaku. Sekiranya kita sentiasa memikirkan perkara-perkara yang positif hasilnya sangat menakjubkan, namun harus diingat jika diminta diisi dengan pemikiran jahat dan negatif maka itulah yang akan berlaku.

Ketahui cara menggunakan hukum tarikan (Law of Attraction) yang terkandung di dalam buku ini untuk mengubah kehidupan yang lebih cemerlang!

Berita Kakitangan (Julai - Disember 2010)

Kakitangan Baru

Nama	Jawatan	Penempatan	Tarikh Laporan Diri
Mohd Afiq Khosim	Pembantu Perpustakaan S17 (Sementara)	Jurnal - PTSL	9.8.2010
Azhari Jamaludin	Pembantu Perpustakaan S17 (Sementara)	PDAL	1.11.2010

Persaraan

Nama	Jawatan	Bahagian	Tarikh Bersara
Azmi Hj. Saed	Pembantu Perpustakaan S22	Perkhidmatan Penyelidikan-PTSL	17.8.2010
Siti Zainah Mohammad Said	Pembantu Perpustakaan S17	Jurnal - PTSL	18.9.2010
Mustapa Hj. Hassan	Pembantu Perpustakaan S22	Perkhidmatan Pelanggan-PTSL	20.10.2010
Mat Rahim Hashim	Pembantu Perpustakaan S17	Koleksi Media-PTSL	24.10.2010

Takziah (Anggota Keluarga Yang Telah Kembali ke Rahmatullah)

Ahli Keluarga	Nama Kakitangan	Bahagian	Tarikh
Isteri	Razali Suban	PDAL	1.7.2010
Ayahanda	Johari Badu Jabar	KAT/DOK	8.7.2010
Bonda	Julaiha Aznam	Pentadbiran dan Kualiti	9.7.2010
Bonda	Mahamat Rosiki Husain	KAT/DOK	30.7.2010

Kelahiran Cahayamata Pertama

Nama	Jawatan	Bahagian	Tarikh
Farah Eiza Abu Hadin	Pembantu Perpustakaan S17	Perkhidmatan Pelanggan-PTSL	9.8.2010

Perkahwinan

Nama	Jawatan	Bahagian	Tarikh
Nur Iklimiah Mohd Ali Hanafiah	Pembantu Perpustakaan S17	Koleksi Media-PTSL	10.7.2010
Mohd Nazwan Abd Kadir	Pembantu Am Pejabat N1	PATMA	18.7.2010
Nur Asyikin Lut Ahmad	Pustakawan S41	PDAL	10.10.2010
Norafida Nordin	Pembantu Perpustakaan S17	PDAL	27.11.2010



Hari Keluarga Perpustakaan UKM

INSPIRASI BIL 7 JUL-DIS 2010



Program Gotong Royong Membersih dan Mengemas Surau Pelajar dan Kakitangan PTSL

30



Kejohanan Tenpin Bowling Antara Kakitangan





Majlis Penghargaan Perkhidmatan Kakitangan Perpustakaan UKM 2010



INSPIRASI BIL 7 JUL-DIS 2010

INSPIRASI BIL 7 JUL-DIS 2010

Jamuan Hari Raya & Majlis Persaraan

31



31

Bengkel Jom Belajar Word





Majlis Iftar dan Solat Tarawikh Berjemaah Bersama Anak-Anak Yatim Darul Hikmah



Program Ziarah Mantan Kakitangan Yang Uzur

